



Tidak dapat dibayangkan wajah keliru milik YB Menteri Kesihatan Dzulkefly Ahmad apabila beberapa kesatuan jururawat dan organisasi yang bersolidariti dengan lantang menentang arahan terbaru di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA), yang melihat minggu kerja jururawat perkhidmatan awam dipanjangkan daripada 42 kepada 45 jam. Walaupun arahan ini telah secara senyap-senyap dikuatkuasakan di seluruh negara pada 1hb Disember — telah 2 minggu selepas pengumumannya — ia kekal sebagai subjek ketidakpuasan hati yang meluas, malah merentasi garis bipartisan. Kita harus bertanya adakah kenaikan gaji penjawat awam pada Ogos lalu masih tidak mencukupi? Tetapi berbaloi-kah peningkatan gaji beberapa ratus ringgit kemudian dilenyapkan begitu sahaja dengan tambahan 3 jam waktu kerja mingguan tanpa bayaran?

Wujud tentangan daripada pelbagai spektrum politik yang membantah arahan ini — termasuk dari pemikir pasaran bebas seperti *Galen Centre* serta anasir-anasir oportunis dalam Pemuda UMNO — tetapi YB Menteri dengan yakinnya tampil mempertahankan arahan ini dengan berhujah menggunakan alasan “munasabah dan “wajar”. Menurutnyanya “dulu 42 jam itu tiada rehat, makan... Mereka terpaksa curi-curi masa atau ambil giliran. 45 jam kerja itu betul adalah tambahan, tapi pada waktu sama kita perlu tahu 45 jam kerja itu mengandungi waktu makan, waktu sembahyang, handing passing over tugas atau syif.” kemudian beliau menambah “melalui SSPA kita tetapkan bahawa jururawat yang bekerja syif ini perlu bekerja 45 jam seminggu berbanding 46 jam seminggu yang ditetapkan di bawah Perintah Am Bab G, untuk penjawat awam yang bertugas syif.”

Ringkasnya, sistem dahulu mewajibkan jururawat bekerja selama 42 jam seminggu sambil “mencuri” waktu makan dan rehat. Namun, daripada mengekalkan minggu kerja 42 jam (sepertimana yang dituntut oleh kesatuan) dan memasukkan 6 jam seminggu secara rasmi untuk waktu makan dan rehat — yakni menjaminkan hak asasi kepada jururawat — KKM sebaliknya menambah 3 jam dengan justifikasi bahawa ia sebenarnya hanya 39 jam seminggu (45 tolak 6)! Hujah ini masuk akal tetapi hanya untuk pihak yang sedang bekerja di dalam pejabat dan semata-mata dari segi teknikal. Para pundit liberal yang kononnya progresif hanya mampu memberikan reaksi lesu dan mencadangkan “alternatif” yang kononnya lebih “insan” seperti “Waktu Bekerja Flexi”.

KRISIS SISTEM KESIHATAN NEGARA

WAKTU KERJA JURURAWAT MENINGKAT KE 45 JAM SEMINGGU

oleh Kelvin Lai



Gambar: The Merdeka Times

Melalui arahan ini, kerajaan Madani sememangnya dapat menangani krisis tetapi hanya untuk sementara waktu — krisis kekurangan kakitangan di hospital dan klinik awam yang semakin mendesak saban tahun, ditambah lagi dengan krisis kos sara hidup yang semakin meruncing, kebanyakan jururawat yang mendapat peluang untuk berpindah ke sektor swasta sudah pun berbuat demikian — meskipun nasib mereka di sana juga tidak indah yang disangka. Manakala mereka yang kekal di sektor awam, sama ada atas kerelaan sendiri atau ketiadaan akses, kini diperah habis-habisan untuk menampung kekurangan tenaga kerja ini.

Sudah tentu, penyelesaian bagi masalah ini adalah dengan melatih

dan mengupah lebih ramai lagi jururawat. Tetapi ini mustahil selagi sistem kesihatan kita terus dicengkam oleh dasar penswastaan melalui agenda neoliberal kerajaan Madani — sama seperti kerajaan UMNO sebelum ini — dengan menukar segala kemudahan awam menjadi lubuk keuntungan bagi kelas kapitalis seperti TELEKOM, Indah Water, dan KTMB. Sementara sektor kesihatan swasta terus merompak hasil titik peluh rakyat biasa dalam bentuk cukai, mengaut keuntungan atas nama “pelancongan perubatan”, “pemin-dahan teknologi” dan “kerjasama awam swasta”, infrastruktur kesihatan awam kita pula semakin menuju kehancuran.

Apa yang semakin jelas dengan arahan yang tidak munasabah

ini adalah sikap tidak peduli rejim Madani terhadap nasib para pekerja kesihatan dan para pesakit yang kurang berkemampuan. Tersingkap wajah sebenar kerajaan yang dikatakan “progresif” ini, dan semakin hilang topeng moralnya. Kini, ramai yang semakin menyedari bahawa kerajaan ini hanya “madani” pada nama. Hakikatnya mewakili kelas kapitalis, bukannya kelas pekerja dan rakyat miskin.

Namun begitu, di mana terdedah kelemahan mereka tertonjolah kekuatan kita. Ini adalah peluang untuk kita bersama membawa tuntutan yang lebih luas. Pada saat genting ini, jururawat dan pekerja kesihatan, ahli-ahli kesatuan yang lebih progresif dan militan, bahkan pesakit dan keluarga mereka harus mula berorganisasi secara

politik, bebas sepenuhnya daripada pengaruh kapitalis. Contohnya, kita harus menyokong tuntutan bagi penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan (SPK) yang bukan sahaja bebas daripada SSPA, apa yang lebih penting lagi, dikawalselia secara langsung dan secara demokratik oleh para pekerja kesihatan sendiri — bukannya oleh birokrat kesatuan ataupun pelobi korporat.

SPK yang mandiri boleh menjadi wadah bagi pekerja untuk menuntut gaji yang benar-benar setimpal dengan inflasi, dan dalam konteks waktu kerja: satu sistem skala waktu kerja anjal (*sliding scale of hours*). Pengangguran khususnya di kalangan anak muda seharusnya boleh dilatih dengan kemahiran pendidikan kejururawatan untuk menampung kekurangan tenaga kerja dan beban. Dari segi waktu kerja pula, melalui cara ini waktu kerja boleh diagihkan dengan lebih adil dan dikurangkan lagi, contohnya kepada 35 jam seminggu — selaras dengan trend global semasa.

Pastinya akan wujud penentangan daripada pihak kelas kapitalis dan para politikus upahan mereka akan soal upah pekerja. Namun sikap ini sama seperti dalam peningkatan gaji minimum. Meskipun peningkatan gaji adalah rendah — jauh lebih rendah daripada gaji sara hidup, tetapi ketamakan kelas kapitalis untuk mengumpul harta demi kepentingan mereka telah “membenarkan” kehendak mereka dituruti di dalam sistem yang berasaskan kapitalisme. Ini harus ditentang oleh perjuangan kelas pekerja yang tersusun. Realiti bahawa pihak kapitalis tidak mampu memberikan apa yang kita menuntut bukan kerana ia mustahil, tetapi kerana sistem kapitalis semata-mata mementingkan keuntungan.

Para pemimpin kesatuan pekerja yang berselindung di sebalik meja pejabat mereka wajar diberi tekanan melalui tuntutan hak milik negarakan sistem kesihatan nasional sepenuhnya. Kami percaya perjuangan kelas pekerja yang dipimpin oleh kepimpinan yang sedar akan asas krisis dalam kesihatan negara adalah berpunca daripada sistem kapitalisme, pasti tidak akan membataskan tuntutan dan perjuangan atas dasar-dasar teknikal dan ‘wajar’ mengikut logika dalam sistem kapitalisme. Dan ini juga dapat menjamin perjuangan dipertahankan daripada — bukan sekadar ditungguangi ahli politik elit, tetapi juga mencatas hujah yang berasaskan logika kelas kapitalis.

Waktu ketika kapitalisme dilanda krisis adalah bukan masanya untuk berpuas hati dengan reformasi sedekah, dan sudah tentu

bersambung ke mukasurat sebelah

sambungan dari muka depan

bukan masanya untuk berpusing-pusing dalam sesi-sesi “libat urus” yang pasif dan tidak habis-habis. Memandangkan situasi kini yang mendesak dan arahan SSPA yang cukup regresif ini, pemimpin kesatuan mesti mengambil sikap yang lebih militan, dan menyokong cadangan dan usaha di peringkat akar umbi misalnya

mogok seperti yang sedang diperkatakan di dalam media sosial di kalangan pekerja kesihatan pada waktu ini.

Adalah amat menakjubkan semangat setiap jururawat dan pekerja kesihatan kita yang membanting tulang sepanjang masa tanpa henti, cuba sedaya upaya walau ditekan eksploitasi terlampau demi berkhidmat untuk rakyat miskin yang uzur dan

penat. Dedikasinya mereka, bagi mereka sekurang-kurangnya pesakit dapat dijaga dan dirawat secara bermaruah dan sebaik mungkin walau apa jua. Maka kita tidak boleh membiarkan mereka berjuang sendirian. Sudah tiba masanya bagi pekerja dari semua sektor — sama ada awam atau swasta — serta anak muda dan setiap golongan tertindas untuk bangkit menyertai perjuangan ini

menentang kapitalisme dan taktik neoliberal iaitu penjimatan dan penswastaan.

Oleh itu, kami menyeru untuk sebuah pembentukan sebuah parti pekerja massa yang benar-benar mandiri daripada politik kapitalis. Hanya melalui perjuangan buruh yang menyeluruh, atas tujuan merebut kuasa politik daripada kerajaan kapitalis — dan hanya melalui perancangan

ekonomi demokratik serta pemilikan kolektif ke atas ekonomi negara — barulah kelas pekerja dan rakyat biasa dapat memastikan bukan sahaja kesihatan, malah juga setiap kemudahan awam, jitu berkhidmat untuk masyarakat dan umat manusia.

MEMBINA PARTI PEKERJA MASSA DI MALAYSIA

Keperluan Sejarah Untuk Perubahan Sosialis

oleh Yuva Balan



Landskap politik Malaysia telah lama dikuasai oleh parti-parti borjuis yang berkhidmat untuk kepentingan kelas kapitalis. Sama ada Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PH), atau Perikatan Nasional (PN), parti-parti ini tidak pernah menawarkan penyelesaian sebenar kepada masalah yang dihadapi oleh kelas pekerja. Mereka hanya mengekalkan sistem kapitalis yang menindas, sambil sesekali melontarkan janji-janji reformasi kosong untuk menenangkan rakyat. Namun, pengalaman telah membuktikan bahawa reformisme dalam kerangka kapitalis tidak akan membawa perubahan yang kekal dan bermakna.

KEGAGALAN PARTI-PARTI BORJUIS SEDIA ADA

Parti-parti politik yang bersilih ganti memerintah Malaysia, termasuk PH, telah gagal untuk memenuhi keperluan rakyat massa. PH, yang kononnya merupakan satu-satunya ‘harapan’ bagi rakyat Malaysia, mengambil alih kerajaan pada tahun 2018 dengan janji reformasi dan perubahan. Namun, apa yang berlaku selepas itu adalah satu pengkhianatan terhadap aspirasi kelas pekerja dan rakyat miskin. Bukan sahaja kerajaan PH telah gagal untuk melaksanakan sebarang reformasi politik yang bermakna, malah didapati bahawa polisi-polisi ekonomi mereka adalah mirip dengan kerajaan BN yang memerintah negara selama 60 tahun sebelum itu. Mereka meneruskan dasar-dasar ekonomi neoliberal warisan BN yang mengutamakan keuntungan korporat berbanding kebajikan rakyat.

Bahkan selepas mengambil

alih kerajaan untuk kali kedua dengan kerjasama BN, kepimpinan PH masih belum menunjukkan sebarang petanda bahawa ia akan mengusahakan sebarang reformasi kepada struktur politik dan ekonomi negara yang menjadi sumber kepada segala permasalahan yang dihadapi rakyat massa. Sebaliknya, kerajaan dibawah kepimpinan PH kini sudah terdedah sebagai korup dan melindungi penjenayah yang telah menyalahgunakan kuasa dan posisi mereka untuk menerima habuan istimewa, disamping menerima rasuah untuk menjadi kaya-raya.

Pada masa yang sama, rakyat massa sedang menghadapi krisis kos sara hidup yang sedang menjunam naik, kemerosotan infrastruktur kesihatan dan pendidikan awam yang semakin parah serta penghakisan hak-hak pekerja disebabkan dominasi ekonomi neoliberalisme yang banyak memangsakan pekerja kontrak dan pertambahan pekerja dalam ekonomi gig. Walaupun KDNK negara mencatatkan peningkatan yang sedang dibanggakan oleh PMX dan kepimpinan kerajaan, keadaan ekonomi dan sosial rakyat terbanyak sedang semakin merosot setiap tahun. Jumlah pengangguran anak muda, terutamanya para graduan sedang meningkat dan peluang pekerjaan sedang semakin berkurangan. Anak muda zaman ini mendapati diri mereka tidak berupaya untuk memiliki rumah dan kenderaan sendiri dengan gaji yang rendah berbanding kos hidup yang tinggi. Apatah lagi impian mereka untuk mendirikan rumah tangga dan memulakan kehidupan baru sepertiimana yang berjaya dilakukan oleh generasi ibu bapa mereka.

Selagi dasar ekonomi PH,

sama dengan dasar ekonomi pertubuhan politik borjuis lain termasuk BN dan PN, masih terikat dengan logik pasaran bebas yang tertumpu untuk memelihara kesejahteraan segelintir elit sambil menindas majoriti rakyat, selagi itulah rakyat biasa terpaksa menghadapi eksploitasi dan penindasan yang berterusan.

Kegagalan PH ini bukanlah satu kemalangan, tetapi satu kepastian yang boleh dan telah diramalkan oleh kami jauh sebelum mereka memegang kuasa kerajaan. Reformisme dalam sistem kapitalis akan sentiasa dihadkan oleh agenda untuk mempertahankan keuntungan dan kuasa ekonomi segelintir kelas kapitalis. Mengimbas pengajaran sejarah, mana-mana parti yang cuba mereformasi kapitalisme tanpa mencabar asas sistem itu sendiri, akhirnya akan tunduk kepada tekanan dan tuntutan kelas pemerintah.

KEPERLUAN PARTI PEKERJA MASSA

Kelas pekerja di Malaysia - yang terdiri daripada buruh kilang, pekerja ladang, guru, pekerja kesihatan, pekerja gig dan ramai lagi - adalah tulang belakang ekonomi negara. Namun, mereka terus dieksploitasi dan dipinggirkan oleh sistem kapitalisme. Parti-parti sedia ada, termasuk PH, tidak mewakili kepentingan kelas pekerja. Sebaliknya, mereka berkhidmat untuk golongan elit kapitalis. Oleh itu, kita memerlukan parti pekerja massa yang benar-benar mewakili dan memperjuangkan kepentingan kelas pekerja. Parti ini mesti berasaskan perspektif politik yang jelas, dan bergerak dengan pemahaman

bahawa sistem kapitalisme tidak boleh direformasi, tetapi mesti dicabar dan digantikan dengan sistem sosialisme yang demokratik, adil dan berfungsi demi seluruh masyarakat.

Membina parti pekerja massa di Malaysia bukanlah sesuatu yang mudah. Kelas pemerintah akan menggunakan segala alat yang ada - penindasan, kooptasi, dan taktik pecah dan perintah - untuk menghalang kemunculan alternatif politik yang benar-benar mewakili aspirasi rakyat massa. Oleh itu, Parti ini harus bersedia untuk terlibat dalam perjuangan elektoral dan pada masa yang sama terlibat dalam menyusun perjuangan-perjuangan di tempat kerja dan di jalanan - menggabungkan perjuangan untuk reformasi dengan persiapan untuk revolusi ke arah sosialisme.

Selain itu, parti juga ini harus aktif memerangi isu perpecahan kaum dan agama yang telah digunakan oleh kelas kapitalis sejak penjajahan British dan diturunkan kepada UMNO dan kini, tugas di bawah pimpinan Anuar untuk menghapuskannya. Pada waktu ini isu agama dan perkauman masih terus dipergunakan oleh parti-parti elit yang berkepentingan untuk mengukuhkan posisinya sendiri. Sememangnya ini memecah belahkan perpaduan antara kelas pekerja dan Anwar tidak mempunyai apa-apa usaha yang konkrit untuk menghapuskannya. Dengan menyatukan pekerja di bawah panji solidariti kelas dan memperjuangkan hak bagi setiap lapisan masyarakat yang tertindas, parti ini dapat mengatasi perpecahan ini dan membina sebuah gerakan yang kuat dan bersatu.

PERANAN TROTSKYISME DALAM MEMBINA PARTI

Sebagai Trotskyis, kami memahami bahawa perjuangan untuk sosialisme tidak dapat dipisahkan daripada perjuangan untuk demokrasi pekerja. Sebuah parti pekerja massa mesti demokratik, membolehkan dan menggalakkan penyertaan penuh ahli dalam proses membuat keputusan. Ia juga mesti bersifat internasionalis, memahami bahawa perjuangan menentang kapitalisme adalah perjuangan global dan bahawa kelas pekerja di Malaysia adalah sebahagian daripada perjuangan yang lebih luas menentang imperialisme dan eksploitasi di medan yang lebih luas. Kita harus menolak nasionalisme sempit yang digunakan oleh parti-parti borjuis untuk melemahkan gerakan bersepadu kita dan bina perjuangan dengan semua kelas pekerja tertindas di dunia.

Sebuah parti kelas pekerja massa harus dibina dengan tuntutan atau program sosialis yang merangkumi:

Nasionalisasi Industri Utama: Meletakkan bank, syarikat besar, dan sumber asli di bawah kawalan demokratik pekerja untuk memastikan kekayaan negara digunakan untuk manfaat semua, bukan demi keuntungan segelintir pihak kapitalis kroni.

Gaji Hidup dan Hak Pekerja: Menjamin gaji hidup yang mencukupi, menghapuskan amalan buruh yang eksploitatif, dan memastikan hak untuk berkesatuan untuk semua pekerja dan hak untuk melancarkan mogok untuk meluahkan sebarang ketidakpuasan.

Perkhidmatan Sosial Sejagat: Menyediakan penjagaan kesihatan dan institusi pendidikan yang percuma dan berkualiti tinggi untuk semua, dibiayai sepenuhnya dengan mencukaikan golongan kaya.

Mengakhiri Perpecahan Kaum dan Agama: Menyatukan pekerja merentasi garis kaum dan agama dengan memperjuangkan kepentingan kelas dan menentang politik perpecahan.

Kawalan Demokratik Ekonomi: Menubuhkan majlis pekerja dan sistem perancangan demokratik untuk menguruskan ekonomi negara dan memastikan keputusan ekonomi dibuat demi kepentingan majoriti secara demokratik.

KESIMPULAN: REVOLUSI ADALAH SATU-SATUNYA JALAN

Kegagalan parti-parti borjuis sedia ada membuktikan bahawa reformisme bukanlah penyelesaian. Sistem kapitalis tidak boleh diperbaiki; ia mesti digulingkan. Untuk mencapai ini, kita memerlukan parti pekerja massa yang berasaskan perjuangan kelas dan hala tuju politik yang jelas. Parti ini harus memperjuangkan sosialisme demokratik dan internasionalisme, menyatukan pekerja merentasi kaum, agama, dan sempadan negara.

Kita mampu membina masa depan yang lebih cerah untuk semua, tetapi ia tidak akan datang dengan sendirinya. Kelas pekerja mesti bangkit dan mengambil alih kepimpinan politik dan mengorak langkah ke arah aturan sosial yang mampu menyatukan umat manusia, menghentikan perang, memelihara alam semula jadi, mengagihkan kekayaan dengan adil dan memelihara kepentingan setiap lapisan masyarakat.

Sejak beberapa bulan yang lepas, rakyat di Malaysia telah mendapat berita akan sebuah titah addendum - yakni sebagai kenyataan tambahan ataupun penjelasan rasmi yang dikeluarkan oleh seorang raja atau pun pemerintah berkenaan sesuatu perkara tertentu. Titah baru-baru ini, secara khususnya berhubung kait dengan kes bekas PM Malaysia, Najib Razak; yang dirujuk sebagai satu dokumen yang kononnya memberi izin kepada Najib untuk menghabiskan baki hukuman penjaranya di rumah. Pada 23 Ogos 2022, bekas PM Malaysia, Najib Razak, telah dijatuhkan hukuman penjara 12 tahun dan juga denda sebanyak RM 210 juta kerana didapati bersalah di dalam salah satu kes tuduhan. Melalui titah addendum, hukuman ini kemudiannya dikurangkan kepada 6 tahun dan denda RM 50 juta. Tetapi ini hanya satu kes – yakni pecah amanah, salah guna RM 42 juta dana SRC International. Ketika ini masih ada kes-kes yang lain yang dituduh. Antaranya terdapat 2 tuduhan yang sedang dalam proses menunggu perbicaraan iaitu wang IMDB berjumlah RM 2.3 bilion dan dana SRC berjumlah RM 27 juta. Tidak lupa isterinya, Rosmah Mansur yang turut didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara 10 tahun dan denda RM 970 juta atas 12 pertuduhan wang haram melibatkan lebih RM 7 juta dan lima pertuduhan mengelak cukai tetapi telah dibebaskan dan dilepaskan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Namun begitu, dia juga masih mempunyai rayuan akan kes sabitan yang lain iaitu kes rasuah projek tenaga solar sekolah luar bandar di Sarawak bernilai RM 1.25 bilion di Mahkamah Rayuan.

Wujud pelbagai pertikaian

Bukan pertama kali dalam negara jawatan menteri dalam kerajaan diisi dengan individu elit yang mempunyai tuduhan jenayah wang dan rasuah. 1 Januari yang lepas Musa Aman, bekas ketua Menteri Sabah telah mengangkat sumpah sebagai yang dipertua negeri tersebut. Musa Aman telah memegang jawatan sebagai menteri besar Sabah sejak 2003 dan hanya turun jawatan pada 2018 selepas PRU ke 14 dimenangi oleh pembangkang, Pakatan Harapan. Dan sebelum turun jawatan Musa Aman turut ditampar dengan tuduhan lebih 40 jenayah wang dan salah guna kuasa melibatkan lebih 60 juta AS dollar.

Meskipun tuduhan ini telah ditarik balik pada 2020, tetapi mengapa individu yang mencurigakan seperti Musa Aman yang menjadi pilihan untuk memenuhi jawatan? Apakah jaminan Musa Aman tidak akan membelot harta rakyat untuk kepentingannya sendiri seperti lebih 40 tuduhan jenayah yang pernah dihadapinya? Bukankah Pakatan Harapan yang di pimpin Anwar Ibrahim pernah berjanji sebelum menang pilihanraya akan sebuah kerajaan yang 'bersih' di barisi pemimpin yang menghormati undang-undang negara?

Tetapi siri individu korup dan

mencurigakan diberikan jawatan dalam kerajaan bukan perkara baru. Seperti Timbalan Perdana Menteri Zahid Hamidi dan Presiden UMNO – pengisian jawatan yang direstui oleh Anwar sendiri, merupakan antara individu yang pernah dituduh atas kesalahan rasuah dan pecah amanah dalam kes sistem Visa Luar Negara (VLN) yang melibatkan lebih 40 juta ringgit. Juga ahli Parlimen Kinabatangan Datuk Seri Bung Moktar dan isterinya, turut terlepas tiga pertuduhan rasuah berjumlah RM2.8 juta membabitkan pelaburan RM150 juta dalam unit amanah Public Mutual Berhad.

Pelantikan Musa Aman sebagai Yang di Pertua apalagi kalau bukan permainan politik elit yang mengetepikan sebarang proses pemilihan pemerintah yang melibatkan rakyat terutama kelas pekerja yang jauh lebih progresif dalam hal-hal penguasaan masyarakat. Keterasingan rakyat daripada proses pemilihan pemerintah yang bersifat elitis dan borjuis harus dibantah. Sebuah perjuangan untuk menuntut struktur perubahan politik yang lebih demokratik dan merakyat harus bermula sekarang. Melalui kepimpinan kelas pekerja yang sadar akan kepentingan perjuangan politik kelas pekerja demi membawa perubahan yang bermakna

Politik Dari Penjara

Titah Addendum Untuk Najib

oleh Hayatul Salleh



Gambar: Britannica

sama ada dokumen tersebut benar-benar wujud, dengan pelbagai kenyataan daripada pihak-pihak berkepentingan. Dari Istana Pahang, pembangkang sehinggalah ke pihak kerajaan dan institusinya sekalipun – kesemuanya memberi kenyataan yang bercanggah di antara satu sama lain.

Dalam permainan politik elit borjuis, pemenjaraan Najib tidak menandakan bahawa dia adalah satu-satunya individu pimpinan kelas borjuis atau bangsawan yang bersalah dan korup – tetapi dia hanyalah salah satu figura yang telah dikambing hitamkan bagi menyelamatkan golongan kepimpinan borjuis yang lain. Hal ini mencetuskan konflik dalaman di kalangan kepimpinan UMNO itu sendiri dan menyebabkan perpecahan ke beberapa faksi yang ingin menyelamatkan kedudukan sendiri dan kekuasaan politik masing-masing. Kita dapat lihat,

UMNO di bawah kepimpinan Zahid Hamidi sedang mengalami krisis eksistensial. Kini UMNO mendambakan gabungan dan perikatan yang stabil bagi terus mendapatkan kelebihan-kelebihan yang selama ini dimiliki sepenuhnya oleh mereka.

Krisis politik yang sedang berlaku ketika ini tidak dapat dibincangkan tanpa mengambil kira situasi krisis ekonomi. Krisis politik dan keretakan di kalangan kelas borjuis merupakan natijah kepada krisis ekonomi. Mereka sedang bergelut merebut kekuasaan sesama sendiri. Lazimnya, pelbagai bentuk krisis dalam pemerintahan dan akhirnya mempengaruhi kemampuan kelas borjuis untuk mengurus pemerintahan secara efektif.

Perubahan signifikan ini menandakan bahawa koalisi kelas penguasa yang selama ini stabil berikutan situasi ekonomi yang

memberangsangkan, tidak berjaya meredakan kemarahan rakyat yang telah terasak dan terhimpit dengan situasi ekonomi yang lebih parah dari sebelumnya. Selain itu, melalui perspektif kelas dan anti kapitalisme, dapat kita ambil pendirian bahawa pihak perundangan dan juga institusi negara yang lain tidak berupaya untuk memainkan peranan yang neutral, kerana sifat kenegaraan di bawah kerangka masyarakat kelas itu sendiri bermakna negara moden seperti realiti hari ini merupakan sebuah susunan struktur sosial yang mengangkat kepentingan kelas kapitalis dan mengutamakan motif keuntungan sebagai dasarnya.

Ketika ini, pihak pembangkang sebagai kelas borjuis elit sedang mengambil kesempatan akan isu titah addendum ini melalui Perhimpunan Solidariti Najib untuk merebut kedudu-

kan sebagai pejuang keadilan di kalangan rakyat. Persoalan dan kedudukan Najib ketika ini, tidak dapat tidak, akan dilihat sebagai cerminan kepada ketidakmampuan kepimpinan kerajaan Madani untuk memastikan golongan kleptokrat dan perasuah untuk kekal berada di dalam penjara. Jaminan untuk memastikan para kleptokrat dan golongan perasuah ini kekal ditahan hanya dapat dilaksanakan jika institusi perundangan dan juga negara berada di bawah kawalan kelas pekerja secara demokratik dan bergerak berdasarkan kepentingan majoriti kelas pekerja.

Jenayah yang melibatkan harta negara dan salah guna kuasa dalam kerajaan harus dipandang serius dan si pelaku seharusnya bukan saja ditahan, tetapi ekspropriasi harta dan memastikan ia diagihkan semula secara demokratik dan adil mengikut keperluan asas rakyat juga harus dilakukan. Namun ini memerlukan keterlibatan dari kepimpinan kelas pekerja untuk memastikan ia berjaya direalisasikan. Pada waktu ini belum lagi wujud sebuah parti politik kelas pekerja yang mampu bertindak untuk menyatukan suara penentangan terhadap permainan politik elit. Dan persoalan parti amat penting bukan saja untuk mendedahkan sifat birokrasi kerajaan yang menyebabkan rasuah dan ketirisan terus berlaku, tetapi sebuah parti pekerja dapat bertindak untuk meleraikannya daripada cengkaman kapitalis kroni yang telah sekian lama mendominasi politik dan ekonomi sejak British meninggalkan Tanah Melayu lagi. Sebuah pembinaan parti pekerja harus bermula sekarang melalui perjuangan akar umbi dan demokratik. Sertai Solidariti Pekerja ayuh bina parti pekerja!

Pelantikan Musa Aman

Bantah perwakilan politik kelas elit korup, bina politik kelas pekerja

oleh Shaqirah Shauqi



Gambar: Utusan Malaysia

diancam akibat birokrasi kerajaan yang telah membenarkan keputusan-keputusan negeri dibuat hanya berpihak kepada kelas borjuis sehingga menyebabkan kehidupan rakyat terpinggir dan miskin. Krisis air di Sabah, akses pendidikan dan infrastruktur yang sedang berada dalam krisis adalah isu nyata yang sedang dihadapi rakyat di Sabah. Sebuah platform perjuangan akar umbi

yang berasaskan perjuangan kelas pekerja dan program berpaksikan hak pekerja iaitu parti pekerja harus menjadi aspirasi untuk direalisasikan dalam mencabut punca yang menyebabkan ketirisan dalam pengurusan hak rakyat dan rasuah iaitu sistem kapitalisme yang menyuburkan rasuah, korupsi dan permainan politik elit.

Zon Ekonomi Khas Johor - Singapura (JS-SEZ)

Bak Kata Pepatah ‘Beri Betis Hendak Peha’

oleh Z JW

Baru-baru ini, kerajaan Malaysia telah menandatangani memorandum dengan kerajaan Singapura mengenai Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), satu usaha sama dalam membangunkan ekonomi serantau. Kerajaan Malaysia melalui pimpinan neo-liberal Anwar Ibrahim dalam usaha untuk meningkatkan pelaburan asing (FDI) telah meluluskan langkah ini bersama dengan pimpinan peringkat negeri iaitu kerajaan Negeri Johor dengan keluarga diraja Johor. Persoalan yang jelas adalah, apakah faedah atau hasil dari usaha sama ini akan memberi manfaat yang baik kepada rakyat negeri Johor?

Negeri Johor bukan asing dari pelaburan asing bukan sahaja dari Singapura tetapi pemodal antarabangsa seluruh dunia dari zon Pembangunan Iskandar Malaysia kepada pelaburan industri minyak dan gas oleh syarikat gergasi antarabangsa seperti Lotte dan Saudi Aramco serta baru-baru ini pencapaian pecah rekod oleh Pelabuhan Tanjung Pelepas dimana pelabuhan ini berjaya dengan mencatat sejarah sebagai terminal kontena pertama di Malaysia yang mengendalikan lebih daripada 12.25 juta unit bersamaan dua puluh kaki (TEU) dalam tahun 2024.

Sewajarnya sejarah antara dua negeri tersebut bermula semenjak zaman kolonial British. Dimana Singapura sebuah penempatan Negeri-Negeri Selat dibawah

jajahan British sewaktu itu menempatkan infrastruktur kolonial mereka serta kepentingan perdagangan di pulau-pulau sekitar Semenanjung Tanah Melayu, lantas menjadikan antara tanah pertama yang menerima pengaruh kapitalisme melalui penjajahan kolonial. Walaupun melalui zaman pasca-kemerdekaan, rakyat Johor kian dibawah penindasan pemodal antarabangsa semenjak zaman pra-merdeka lagi. Ini boleh dijawab dengan kenapa kerajaan pimpinan Anwar Ibrahim tidak berjaya memutuskan tradisi pengantungan negeri Johor terhadap Kerajaan Singapura. Dari Perjanjian Air pada tahun 1961 dan 1963 sehinggalah JS-SEZ sampai kini, rakyat Johor lah yang menanggung kesan tersebut, dari tanah ke air mereka dijual kepada negara Singapura dan terutamanya kelas pemodal dan penguasa Singapura.

JS-SEZ diwar-warkan sebagai pemangkin ekonomi, tetapi hakikatnya, ia mekanisme pemerasan terhadap kelas pekerja. Pekerja di kilang, pelabuhan, dan sektor perkhidmatan JS-SEZ akan dipaksa bekerja dengan upah rendah, jam kerja panjang, dan persekitaran tidak selamat. Pelabuhan Tanjung Pelepas yang mencatat 12.25 juta TEU pada 2024, misalnya, tidak menjamin kesejahteraan pekerjaanya. Keuntungan besar disalurkan kepada pemegang saham korporat, sementara pekerja kontrak hidup

dalam ketidakpastian tanpa jaminan kesihatan atau pencen. Ini adalah manifestasi keterasingan pekerja — fenomena di mana buruh terpisah dari hasil kerja mereka dan tidak mempunyai kuasa untuk menentukan hak ekonomi.

Namun, ada langkah konkrit yang dapat diambil rakyat Johor untuk membebaskan diri dari belenggu kapitalisme. Pertama, pembentukan kesatuan sekerja radikal yang bebas dari pengaruh birokrasi. Kesatuan sekerja tradisional sering kompromi dengan majikan, sedangkan kesatuan mandiri perlu berani melancarkan mogok, menuntut gaji minima RM3,600 sebulan, dan menolak kontrak tidak adil. Gerakan buruh di Perancis dan Korea Selatan membuktikan organisasi akar umbi mampu memaksa korporat tunduk pada tuntutan pekerja.

Kedua, pendidikan politik kelas perlu dihidupkan di kilang, kampung, dan kampus. Kapitalisme bertahan kerana ideologinya mengaburi kesedaran rakyat. Program pendidikan sosialis harus mendedahkan hakikat eksploitasi JS-SEZ dan mengangkat kesedaran tentang kuasa kolektif pekerja.

Ketiga, pembentukan parti pekerja revolusioner yang menyatukan tuntutan buruh, petani, dan komuniti terpinggir. Parti seperti Sosialis Alternatif Malaysia menekankan perjuangan antarabangsa dan pengambilalihan alat produksi oleh pekerja. Di Johor, parti sebegini perlu menjadi



suara bagi mereka yang ditindas oleh projek JS-SEZ.

Keempat, solidariti antarabangsa dan penentangan ekologi. JS-SEZ bukan sekadar isu tempatan—ia projek imperialis yang mengancam alam sekitar Johor. Pekerja perlu bersekutu dengan gerakan global seperti Keadilan Iklim dan Pertahanan Hak Petani untuk melawan perampasan tanah dan pencemaran industri. Kemenangan petani India menentang polisi pro-korporat Modi membuktikan perpaduan rakyat mampu menggagalkan agenda kapitalis.

Kelima, penghapusan sistem monarki dan kapitalis kroni. Keluarga diraja Johor dan elit politik tempatan adalah kaki tangan pemodal. Rakyat perlu menolak legitimasi mereka melalui aksi massa dan desakan untuk

demokrasi langsung dan memiliknegerakan prasarana ekonomi dan pengagihan kekayaan yang adil dan saksama. Penguasaan tanah Sultan Johor di projek seperti Forest City wajib dikembalikan sebagai milik kolektif rakyat.

JS-SEZ adalah cermin ketamakan sistem kapitalis yang mengorbankan manusia dan alam demi keuntungan. Namun, sejarah membuktikan kelas pekerja mampu mengubah nasib—jika bersatu dan berani. Di Johor, masa depan bukan milik Anwar Ibrahim atau Sultan, tetapi milik pekerja yang membina infrastruktur, menggerakkan ekonomi, dan berjuang untuk dunia tanpa eksploitasi.

**Bersatulah!
Hancurkan kapitalisme—
Bangunkan sosialisme!**

Laporan Tahunan 2017 Bank Negara Malaysia menyatakan kadar gaji kehidupan wajar bagi individu bujang dewasa yang menetap di bandar adalah RM2,700, manakala pasangan tanpa anak adalah RM4,500 dan pasangan dengan dua anak adalah RM6,500. Ini berita lama, kelas pekerja harus menyusun bantahan terhadap kebiasaan kerajaan daripada terus mengabaikan hak gaji minimum yang adil untuk menjalani kehidupan yang bermaruah.

Tanpa penentangan dan perjuangan kelas pekerja untuk menuntut kos sara hidup yang lebih adil, kelas kapitalis akan terus meragut keuntungan daripada kelas pekerja yang berhempas pulas lebih dari 44 jam seminggu untuk memuaskan keuntungan syarikat dan kelas kapitalis. Pengumpulan harta secara sistemik melalui penindasan gaji dapat dikaji melalui nisbah gaji CEO dan pekerja di Malaysia yang meningkat dari 98 pada tahun 2010 kepada 141 pada tahun 2020. Dalam kata lain, bagi setiap RMI yang dibayar kepada pekerja bawahan, CEO syarikat akan menerima RMI41.

Perjuangan gaji minimum bukan sekadar persoalan gaji, ia adalah persoalan taraf hidup yang bermaruah dan kestabilan hidup. Tetapi dalam sistem ekonomi kapitalisme yang berasaskan per-

saingan, ini membentuk monopoli dan syarikat menutup kilang akibat kerugian dan menyebabkan pembuangan pekerjaan. Norma ini harus ditentang oleh kelas pekerja. Nasib rakyat tidak patut diperjudikan hanya untuk keuntungan segelintir kelas majikan dan kapitalis. Ini termasuk situasi penswastan yang semakin meningkat terutama sejak pandemik yang menyebabkan pertambahan jumlah pekerja berstatus kontrak. Apa yang dikatakan jam kerja ‘fleksibel’ turut membawa maksud pemotongan hak pekerja dari pelbagai sudut seperti cuti sakit berbayar, caruman KWSP dan Perkeso daripada majikan dan terutamanya, merumitkan kelas pekerja untuk membina kesatuan sekerja.

Pada waktu ini krisis dalam sistem kapitalisme global berada dalam skala luar biasa. Perang antara kuasa-kuasa kapitalis besar di Ukraine dan Timur Tengah merupakan simptom ekonomi kapitalisme yang berasaskan persaingan. Krisis perang bukan saja telah menyebabkan kemusnahan dan kemelaratan, tetapi juga tekanan ekonomi terhadap kelas pekerja di seluruh dunia. Peningkatan pelabur asing pasca COVID 19, telah melihatkan peningkatan pelaburan asing yang tinggi terutama bagi negara-negara ASEAN



Gambar: Kosmo

RM 1700 Gaji Minimum

Inikah Penghargaan Untuk Kelas Pekerja?

oleh Shaqirah Shauqi

seperti Indonesia dan Vietnam.

Di Malaysia sendiri pada 2021 telah menerima jumlah pelaburan terbesar dalam sejarah. Terutama daripada syarikat pembuatan dan elektronik seperti Infineon dan Intel bagi sektor semikonduktor. Tetapi pelaburan ini bukan percuma. Dan kelas pekerja yang akan menanggungnya.

Berikutan perang dagang antara China dan Amerika Syarikat, ketika penulisan ini sedang ditulis, AS telahpun mengenakan sekatan baru ke atas eksport beberapa syarikat cip serta peralatan semikonduktor ke China. Ma-

aysia sebagai antara pembekal utama bahan semikonduktor pasti akan terkesan dari segi impak kerugian dan ini pasti akan menjejaskan kestabilan beribu-ribu pekerja di Malaysia. Pada tahap ini perkembangan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) telah pun menyebabkan beribu pekerja dibuang kerja di seluruh dunia termasuk Malaysia yang mana baru-baru ini syarikat TikTok telah membuang lebih 600 pekerja.

Perintah Gaji Minimum sebanyak RMI700 yang akan berkuat kuasa Februari tahun depan terpakai kepada semua pekerja ter-

masuk pekerja bukan warganegara di sektor swasta termasuk bukan warganegara. Sememangnya kelas pekerja perlukan penghargaan yang jauh lebih baik dan sebuah perjuangan politik kelas pekerja untuk menuntut gaji minimum yang lebih adil, kestabilan pekerjaan dan taraf hidup yang lebih bermaruah harus dibina.

Sistem kapitalisme harus digantikan dengan sistem yang lebih adil terhadap kelas pekerja iaitu demokratik sosialisme. Ayuh bina perjuangan bersama!

Penipuan Dalam Talian Meningkatkan Mendadak

oleh Shaqirah Shauqi



Gambar: Kosmo Digital

Laporan *State of Scam Report* pada Oktober 2024 yang diterbitkan oleh *Global Anti-Scam Alliance (GASA)*, menunjukkan peningkatan penipuan dalam talian yang membimbangkan di Malaysia.

Pada tahun lalu sahaja, jumlah kehilangan berjumlah USD 12.8 billion akibat penipuan dalam talian. Ini adalah bersamaan 3% daripada KDNK negara. Situasi ini diteruskan lagi dengan eksploitasi teknologi canggih seperti kecerdasan buatan (AI) untuk memperdaya mangsa.

Pelbagai bentuk penipuan telah muncul terutama ketika waktu pandemik. Apabila kerajaan memerintahkan perintah kawalan pergerakan PKP, kemudahan sistem dalam talian banyak digunakan untuk menguruskan dan meneruskan kehidupan.

Misalnya pesanan barangan dan makanan di dalam talian mahupun servis-servis datang ke rumah. Kesempatan ini telah

diambil oleh penipu dalam talian. Antaranya penipuan berkaitan kursus ijazah pengajian, sijil ke mahiran dan sebagainya.

Namun itu pada waktu pandemik, telah lebih 4 tahun berlalu, isu penipuan dalam talian masih berleluasa dan semakin teruk. Mengapa ini berlaku adalah disebabkan neo liberalisasi yang berterusan di bawah pemerintahan Anwar. Penipuan yang melibatkan pelbagai sektor samaada pendidikan, kewangan – skim cepat kaya dan sumbangan kepada pelarian dan orang miskin menunjukkan realiti pembahagian ekonomi yang tidak adil kepada masyarakat.

Keuntungan negara yang seharusnya digunakan untuk menambah baik sistem kesihatan awam dan hak kebajikan untuk golongan terpinggir tidak diberi keutamaan dalam sistem kapitalisme. Ini menyebabkan rakyat menggunakan kaedah lain untuk mendapatkannya.

Kos sara hidup yang semakin menekan rakyat biasa dan anak muda juga menjadi antara faktor utama. Ini dapat dilihat melalui isu beli-dulu-bayar-kemudian di kalangan anak muda yang semakin merisaukan. Anak muda terlalu mudah membuat pinjaman dan terjatuh dalam kitaran hutang.

Isu penipuan dalam talian seharusnya bukan saja dicegah melalui polisi dan undang-undang tetapi juga penyelesaian untuk mewujudkan kestabilan ekonomi dan sokongan sosial bagi mengalih kehendak rakyat dari memilih entiti yang tidak boleh dipercayai.

Ini memerlukan sebuah perjuangan dari seluruh rakyat dan kelas pekerja untuk menuntut hak-hak asas seperti pendidikan percuma dan hak kesihatan awam yang lebih baik. Bina masyarakat demokratik sosialisme yang lebih adil dan bantah sistem kapitalisme yang hanya mementingkan keuntungan!

Piket Putrajaya 2.0

Perwakilan Pekerja E-Hailing dan P-Hailing Menuntut Kerajaan Menkuatkuasakan Kawalan Harga Lantai dan Harga Siling Tambang

oleh Hayatul Salleh



Gambar: Utusan Malaysia

Pada 20hb Disember yang lepas, Gerakan Badan Bertindak Sahabat E-Hailing Malaysia berserta sokongan dari NGO Persatuan E-Hailing dan beberapa NGO lain telah sebulat suara untuk menyuarakan ketidakpuasan hati para pemandu E-Hailing melalui tindakan piket di hadapan Kementerian Pengangkutan Malaysia dan telah menyerahkan memorandum menuntut penguatkuasaan kerajaan terhadap kawalan harga lantai dan harga siling tambang bagi setiap perjalanan yang dilakukan oleh mereka.

Piket Putrajaya 2.0 ini merupakan inisiatif yang kedua dari organisasi pemandu yang berjuang bagi memastikan bahawa pekerja e-hailing ini dibela secara adilnya dan tidak ditindas oleh

kelas kapitalis (*platform operator*) yang semakin hari semakin galak menurunkan harga lantai, tanpa memikirkan beban-beban kos yang perlu ditanggung oleh para pemandu. Para pekerja juga sedar akan situasi pasaran bebas yang akan terus menekan harga tambang demi memastikan keuntungan kelas kapitalis senantiasa terbela. Atas logik pemodal ini, di mana-mana industri kos operasi akan dikurangkan semaksimum mungkin dan kelas pekerja lah yang dijadikan mangsa.

Isi memorandum yang diserahkan kepada pihak kerajaan merangkumi masalah-masalah utama yang dihadapi oleh para pekerja dan turut menjelaskan bagaimana ia tidak dikawal selia dan dibela secara adil oleh pihak

kerajaan yang sepatutnya memainkan peranan yang lebih aktif dalam memastikan kepentingan kelas pekerja agar benar-benar dipelihara. Lantaran itu, Gerakan Badan Bertindak mengambil inisiatif untuk menekan dan menuntut campur tangan kerajaan – mengawal harga lantai dan harga siling tambang. Perwakilan kelas pekerja sebulat suara bersetuju dan berpendapat bahawa kerajaan tidak boleh mengambil sikap sambil lewa dan membiarkan penindasan ini berlaku. Kepimpinan menuntut agar kerajaan mengambil pendirian yang tegas dalam menghalang apa jua bentuk penindasan daripada pihak majikan mahupun syarikat.

Setakat ini, telah pun wujudnya beberapa pilihan penyelesaian

yang telah pun dipersetujui oleh pelbagai organisasi pekerja gig – namun hal ini tetap berbalik kepada persoalan sama ada konsesi seperti ini akan didengar oleh pihak kerajaan mahupun tidak; sama ada pihak kerajaan akan mengambil kira inisiatif organisasi pekerja itu sendiri ataupun tidak. Hal ini perlu ditelusuri sebaiknya, kerana ini berkait rapat dengan persoalan apakah sifat kerajaan itu? Apakah mereka akan berpihak kepada kelas pekerja ataupun kelas firma kapitalis yang mempunyai kuasa dan modal yang lebih besar?

Solidariti Pekerja berpendapat bahawa kerajaan di bawah Pakatan Harapan dan kepimpinan Madani, bahkan kerajaan di bawah mana-mana kepimpinan koalisi yang pernah menerajui kerajaan sebelum ini sekalipun – tidak akan mengambil dan melaksanakan sebuah polisi yang berpihak kepada kelas pekerja. Ini kerana secara alaminya mereka merupakan lapisan eksekutif yang hanya menguruskan kepentingan golongan kelas kapitalis; memakai topeng rakyat dan menjulang simbol keadilan demi mendapatkan sokongan kelas pekerja untuk mengekalkan kuasa mereka. Selagi mana kepimpinan kerajaan bersekongkol dengan kelas kapitalis – yang kononnya menggunakan alasan 'keharmonian' antara pekerja dan kelas kapitalis, selagi itulah tidak akan ada pelaksanaan polisi yang berpihak kepada kelas pekerja.

Solidariti Pekerja sepenuhnya menyokong perjuangan dan tuntutan yang dibawa oleh Gerakan Badan Bertindak Sahabat E-Hailing yang begitu peka dengan

penindasan yang dialami oleh mereka dan sedar akan keperluan untuk mengangkat perjuangan ke tahap yang selanjutnya. Organisasi kami pada masa yang sama, mengambil pendirian bahawa perjuangan ini perlu menjurus kepada sebuah gerakan kelas pekerja yang lebih luas – bersertakan perjuangan dan tuntutan yang dibawa oleh gerakan kelas pekerja yang lain seperti tuntutan perjuangan pemandu bas dan juga pemandu tren; yang turut ditekan dan diasak oleh situasi ekonomi yang semakin melarat ini. Tambahan lagi, gerakan perjuangan ini perlu dibina atas pelantar kemerdekaan yang kukuh – tanpa campur tangan dari mana-mana pihak kepimpinan oportunist yang hanya ingin menunggang gerakan ini demi kepentingan status mereka dalam arena dan permainan liga politik elit semata-mata.

Solidariti Pekerja berhujah bahawa permasalahan yang dialami oleh pekerja E-Hailing ini merupakan sebahagian daripada masalah yang lebih besar dan sistemik sifatnya – yakni masalah sistem kapitalisme. Ini memerlukan sebuah jalan penyelesaian yang lebih radikal dan revolusioner; di mana kelas pekerja bersatu tenaga menumbangkan kelas kapitalis dan menubuhkan kerajaan kelas pekerja. Matlamat ini, menurut kami, hanya dapat dicapai melalui pembinaan kuasa politik kelas pekerja itu sendiri dan hal ini menjadi semakin getir, semakin penting dan perlu diutamakan bagi menghadapi masalah ekonomi yang sedang kita lalui ketika ini.



DAPATKAN INFO DAN ANALISIS
TERKINI DI SALURAN WHATSAPP
SOSIALIS ALTERNATIF

Sosialis Alternatif berkempen untuk membawa satu perubahan sosialis di Malaysia dan antarabangsa di mana masyarakat akan diorganisasi secara demokratik untuk menampung keperluan sejagat dan bukannya berpaksikan kepada nafsu keuntungan segelintir kapitalis. Kami pada ketika ini sedang melibatkan diri

dalam kempen bagi meningkatkan penglibatan anak muda dan warga pekerja dalam pembinaan politik kelas pekerja sebagai alternatif kepada politik pro-kapitalisme yang dicanangkan oleh BN dan Pakatan. Ini adalah sebagai landasan ke arah membentuk satu masyarakat berbilang kaum dan agama yang mampu berkongsi

kekayaan dan pembangunan negara bersama secara demokratik serta memelihara alam sekitar untuk keharmonian dan kesejahteraan sejagat. Anak muda dan kelas pekerja perlu bergabung dan meningkatkan perjuangan untuk membina alternatif kepada sistem kapitalisme. SA juga berhasrat untuk membina solidariti

antarabangsa di kalangan anak muda, kelas pekerja dan golongan tertindas yang lain melalui pembinaan sosialis Internasional.

**Sertailah kami hari ini.
Sertailah pembinaan parti
pekerja.
Sertailah perjuangan sosialis
isme demokratik!**

Pekerja Migran di Kilang Kawaguchi

Tiada Jaminan Keadilan Buat Mereka Yang Dieksploitasi Di Bawah Kapitalisme

oleh Hayatul Salleh



Gambar: Free Malaysia Today

Pada September 2024, sebuah berita telah melaporkan lebih 200 pekerja dari Bangladesh di Syarikat Perkilangan Kawaguchi di Klang telah dieksploitasi dan ditindas oleh pihak majikan. Penindasan ini telah dibalas oleh pekerja dengan melakukan aksi protes dan mogok. Pekerja menuntut pembayaran gaji yang tidak dibayar semenjak bulan Mei.

Pendedahan ini telah tersebar luas apabila aktivis buruh, Andy Hall membuka aduan akan situasi dan keberadaan pekerja di kilang tersebut. Berikutan ini, pegawai Jabatan Buruh telah menyerbu kilang tersebut dan mengesahkan bahawa selain tidak membayar gaji pekerja, pihak syarikat juga telah melanggar hak asasi buruh yang lain seperti penafian cuti, mengenakan caj yuran yang

tidak sepatutnya dan keadaan tempat tinggal yang daif tidak bermaruah. Pihak majikan juga telah gagal untuk memperbaharui visa pekerja, dan merampas passport pekerja. Intimidasi terhadap pekerja juga dilaporkan sebagai sesuatu yang norma oleh pihak majikan.

Kawaguchi Manufacturing adalah sebuah syarikat pembuat plastik yang mempunyai pelanggan dari firma-firma elektronik yang besar seperti Panasonic, Sony dan juga Daikin. Lebih malang lagi, apabila hal ini telah didedahkan, firma-firma elektronik seperti Sony dan Panasonic telah menghentikan sebarang urusan perniagaan dengan syarikat Kawaguchi tanpa apa-apa usaha yang benar-benar ikhlas, setimpal dengan penindasan

yang berlaku keatas pekerja yang selama ini telah menggerakkan dan memberikan keuntungan kepada mereka. Daikin kononnya ada memberi bantuan makanan kepada pekerja, tetapi tindakan ini jelas tidak mencukupi dan tidak menyelesaikan masalah periuk nasi mereka.

Pada bulan Disember 2024 sebuah proses rundingan telah berlangsung di antara pihak majikan dan pihak pekerja. Melalui rundingan ini pihak majikan telah bersetuju untuk menyelesaikan tunggakan pembayaran gaji dan sejumlah pampasan untuk para pekerja. Jumlah yang perlu dibayar oleh majikan mencecah RM 3 juta. Kendatipun begitu, Andy Hall menyatakan sikap kritikalnya terhadap proses perundingan ini dan menyifatkan

ia sebagai formaliti tanpa apa-apa jaminan penyelesaian yang konkrit. Menurutnya, jalan penyelesaian ini merupakan sebuah tindakan yang menghina kelas pekerja yang ditindas.

Kewujudan perhambaan moden merupakan sebahagian daripada ciri dalam kapitalisme. Pendedahan terhadap penindasan pekerja Kawaguchi bukanlah sesuatu yang asing; sebaliknya merupakan lumrah bagi pekerja migran di seluruh dunia. Penindasan terhadap pekerja migran di kilang Top Glove yang telah terdedah ketika waktu pandemik pada 2021 yang lepas mempunyai persamaan yang amat ketara. Kemudian dalam masa yang sama, syarikat telah memperoleh keuntungan yang besar pada waktu itu.

Penindasan terhadap pekerja migran seharusnya dilihat sebagai penindasan terhadap seluruh kelas pekerja. Bukan saja disebabkan pekerja migran turut memberi sumbangan ekonomi, tetapi keberadaan mereka sentiasa dipergunakan oleh kelas kapitalis untuk terus menekan hak-hak pekerja. Seperti isu gaji dan sara hidup, pekerja tempatan seringkali diugut bahkan dihasut bahawa pekerja migran akan mencuri pekerjaan kita. Tetapi syak wasangka dan saling menyalahkan antara kelas pekerja amat berguna bagi kelas majikan untuk terus mengeksploitasi kelas pekerja melalui gaji, memotong kos operasi sehingga menyebabkan kondisi pekerja tidak selamat dan sebagainya. Realiti pekerja tempatan tidak mahu membuat kerja-kerja yang biasa dilakukan oleh pekerja migran seperti kerja-kerja 3D dirty, dangerous dan de-meaning – kotor, bahaya dan hina, merupakan alasan kelas majikan untuk mewujudkan sistem peker-

jaan yang selamat dan bermaruah untuk kelas pekerja. Perbelanjaan ini keterlaluan bagi kelas majikan!

Solidariti Pekerja melihat permasalahan ini sebagai sebuah permasalahan yang bersifat sistemik. Iaitu berpunca daripada motif keuntungan di bawah kapitalisme. Ketiadaan apa-apa jaringan keselamatan buat para pekerja migran telah membuka peluang buat para kapitalis untuk terus menindas mereka. Kami menuntut kebebasan kelas proletariat migran untuk menyusun gerakan mereka ke dalam sebuah organisasi pekerja yang bebas untuk melawan tindakan penindasan majikan. Tidak hanya dengan itu, tuntutan ini juga perlu disokong dan diperjuangkan oleh kelas pekerja tempatan yang turut mengalami situasi yang sama. Sebuah pembinaan koalisi politik yang mandiri dalam membela hak kehidupan proletariat yang bermaruah perlu dimulakan dalam kadar segera.

Perjuangan dan solidariti di antara pekerja tempatan dan juga migran perlu dilanjutkan ke hadapan. Pekerja yang bergabung atas dasar solidariti yang merentasi identiti bangsa dan negara pasti akan dapat membawa perjuangan kearah yang lebih maju dan sekaligus mempertahankan hak pekerja. Perjuangan kelas pekerja harus melihat perjuangan ke arah kesimpulan yang lebih besar - yakni dengan menghapuskan kapitalisme dan menubuhkan sebuah kerajaan yang sebenar-benarnya memihak kepada kepentingan pekerja. Organisasi kami menyeru kepada para pembaca yang bersetuju dengan idea kami, untuk turut bersama dalam perjuangan ini.

Yang Muda Dipinggirkan

Realiti Eksploitasi di dalam Kerajaan Malaysia dan Pekerjaan GLC

oleh Liam



Gambar: Kosmo

Pelatih industri di Malaysia merangkumi hampir 5% tenaga buruh di dalam negara. Namun mereka tidak dilindungi di bawah Akta Kerja 1955 dan Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011. Ini menjadikan mereka tidak secara sah berhak menerima gaji minimum dan perlindungan mengikut akta sebagai pekerja. Situasi ini menyebabkan mereka terpaksa bergantung sepenuhnya kepada budi bicara majikan, dan ramai di kalangan majikan yang mengambil kesempatan untuk mengeksploitasi semaksima mungkin untuk keuntungan mereka.

Pada tahun 2019, kerajaan menetapkan elaun minimum sebanyak RM900 untuk pelatih industri di jabatan kerajaan persekutuan. Namun nasib ini tidak sama bagi pelatih industri di syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat swasta yang mengambil majoriti daripada kumpulan pelatih industri ini. Masing-masing hanya digalakkan oleh kerajaan untuk membayar minimum RM800 elaun bulanan. Dan pematuhan sektor swasta adalah secara sukarela. Institut Khazanah telah mengeluarkan kajian bahawa pada tahun 2019, sebanyak 68.6% daripada pelatih industri menerima elaun bulanan berbanding pada tahun 2010 iaitu 56.2%. Tetapi disebabkan kedudukan mereka yang tidak di-

anggap sebagai pekerja yang sah, mereka menerima elaun hanya sekitar RM300 ke RM900 sahaja. Situasi ini memerangkap para pelatih industri dalam situasi yang sukar dan daif kerana realiti alam pekerjaan walaupun berstatus pelatih industri dan terikat dibawah kontrak syarikat, mereka perlu menempuhi alam pekerjaan sama seperti pekerja yang lain. Seperti perbelanjaan pengangkutan, pakaian di tempat kerja, dan tempat tinggal berdekatan dengan tempat kerja.

Situasi ini berbeza bagi pelatih industri kelas menengah yang mempunyai sokongan ekonomi daripada ahli keluarga terdekat. Namun bagi situasi pelatih industri dari keluarga kelas pekerja dan miskin yang mempunyai kekurangan ekonomi, situasi untuk menempuhi latihan industri adalah lebih sukar. Ada yang berhujah bahawa inilah pengorbanan mahasiswa sebelum mendapat segulung ijazah demi mendapatkan pekerjaan yang baik atau masa depan yang lebih cerah. Tetapi 56% pekerja menerima gaji di bawah gaji kehidupan wajar iaitu RM3,047 sebulan, manakala 47% menerima gaji di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan iaitu RM2,589 sebulan. Tambahan lagi, laporan Statistik Siswazah pada tahun 2022 menunjukkan purata gaji graduan yang baru memasuki

pasaran buruh telah berkurang daripada RM2,066 sebulan pada tahun 2019 kepada RM1,624 pada tahun 2022. Jadi ini bukan soal pengorbanan bagi pelatih industri, tetapi eksploitasi terhadap gaji yang sistemik terhadap kelas pekerja melalui pelbagai syarat dan regulasi yang hanya menguntungkan kelas pemodal dan majikan. Ditambah lagi dengan beban membayar hutang pendidikan seperti PTPTN. Logik pasaran

buruh dalam sistem kapitalisme yang mencanang idea bahawa tahap pendidikan dan pengalaman kerja akan dapat memastikan pekerjaan yang lebih baik telah dipergunakan untuk menjerat anak muda kedalam hutang pendidikan.


Lantaran bebanan ini, ramai anak muda yang terpaksa memilih untuk bekerja dua kerja dalam satu masa untuk menanggung beban ekonomi seperti dalam sektor

gig penghantaran makanan atau servis pengangkutan. Isu bagi kelas pekerja samaada muda atau berpengalaman amat berkait dengan campur tangan kerajaan dalam menetapkan dan meregulasi gaji bagi pekerja. Sebuah perjuangan politik yang berasaskan solidariti kelas pekerja, dan berjuang untuk menentang penindasan gaji harus dibina bersama. Ayub bina perjuangan bersama!

Teknologi Kecerdasan Buatan

Pembuangan kerja dijangka meningkat

oleh Shaqirah Shauqi



Gambar: Live Science

Oktober lepas lebih 600 pekerja Tiktok di Malaysia telah dibuang kerja. Ini berikutan langkah syarikat untuk menggantikan kaedah penapisan maklumat dalam platform media tersebut kepada teknologi kecerdasan buatan. Pembuangan kerja dijangka akan meningkat lagi pada masa akan datang. Melalui laporan Kementerian Sumber Manusia, kira-kira 600,000 pekerja dalam tempoh 5 tahun akan datang akan kehilangan pekerjaan disebabkan

perkembangan kecerdasan buatan, digitalisasi, dan ekonomi hijau. Maksudnya lebih 110, 000 pekerja setiap tahun akan berhadapan dengan risiko hilang tempat pergantungan pendapatan. Nah, apakah jaminan kerajaan agar setiap pekerja yang terkesan akan terbelas nasib mereka?

Pos Malaysia yang mempunyai kira-kira 18,000 pekerja juga sudah memulakan langkah untuk menggunakan kecerdasan buatan dalam operasi syarikat. Menteri

telekomunikasi dan maklumat Fahmi Fadzil memberi jaminan bahawa pekerja syarikat Pos Malaysia tidak akan terkesan dalam perubahan ini. Tetapi tidak ada sebarang mekanisme yang jelas dalam mempertahankan hak pekerja yang sedang tergugat melainkan janji untuk 'upskill' dan 'reskill' pekerja sedia ada. Pada waktu ini, teknologi kecerdasan buatan dianggap jauh lebih efisien. Dan apa yang lebih penting lagi, ia jauh lebih murah berbanding menggajikan ratusan ribu pekerja. Kelas kapitalis yang sentiasa mengejar keuntungan pasti melihat teknologi ini sebagai kaedah baru untuk mengurangkan kos-kos operasi. Lebih-lebih lagi mereka tidak perlu menguruskan isu pekerja seperti hal-hal keibajikan pekerja, disiplin di tempat kerja dan sebagainya. Meskipun wujud hak pekerja seperti akta buruh untuk melindungi hak pekerja seperti prosedur pemberhentian kerja yang melayakkan pekerja memperoleh pampasan. Tetapi realiti dalam sistem kapitalisme yang bersifat mengejar keuntungan, hak-hak demokrasi ini sentiasa diancam.

Misalnya isu penswastaaan aset dan servis kerajaan yang masih terus berlaku di bawah pimpinan Anwar Ibrahim melihatkan pekerja yang berstatus kontrak semakin meningkat. Pekerja-pekerja ini tidak dilindungi di bawah akta buruh apatah lagi untuk mendapat keistimewaan seperti pekerja-pekerja tetap di dalam syarikat. Seperti

apa yang dijanjikan kementerian untuk upskill dan reskill, hakikatnya pembiayaan latihan untuk meningkatkan kemahiran harus dibiayai oleh syarikat kepada pekerja, tetapi keistimewaan ini biasanya dikhaskan dengan pelbagai syarat dan pekerja kontrak seringkali dipinggirkan.

Perubahan teknologi yang semakin pesat dirancakkan lagi dengan persaingan antara US dan China, membawa maksud kelas pekerja harus membina penentangan dan perjuangan daripada menjadi mangsa yang terperangkap ditengah persaingan. Hakikat sistem pasaran bebas yang menyebabkan jatuh bangun sesebuah syarikat, seperti syarikat Nvidia dari AS iaitu sebuah syarikat yang mengalami kerugian yang besar selepas China melancarkan DeepSeek, sebuah teknologi kecerdasan buatan yang jauh lebih murah dari segi kos operasi, pasti akan memangsakan kelas pekerja dari segi pembuangan kerja atau pemotongan jam kerja bersama-sama gaji. Keadaan ini harus dibantah dengan matlamat pengambilalihan syarikat kepada kawalan kelas pekerja. Hanya itu saja cara yang dapat menghentikan kitaran yang menindas pekerja dalam masa yang sama mengekalkan kegunaan teknologi kepada kegunaan masyarakat.

Kemajuan teknologi seharusnya memberikan kesenangan dan ketenangan kepada umat manusia untuk terus maju, tetapi dalam sistem kapitalisme, perkemban-

gan teknologi telah menyebabkan penindasan yang lebih teruk terhadap kelas pekerja. Malah disebabkan teknologi berada di bawah kawalan segelintir elit, penindasan yang lebih 'canggih' terus berlaku. Misalnya Mahkamah di Sabah pada tahun 2022 dilaporkan pernah menjatuhkan hukuman keatas pesalah dengan bantuan teknologi kecerdasan buatan. Pada waktu itu Sabah dan Sarawak masih sedang menguji sistem yang dibangunkan. Ini telah menimbulkan perdebatan di kalangan peguam dan pejuang demokrasi yang melihatkan penggunaan teknologi ini belum pun sepenuhnya jelas dan difahami bagi rakyat. Ini pasti akan melebarkan lagi jurang keterasingan antara rakyat dan kerajaan.

Kemajuan teknologi kecerdasan buatan yang semakin pesat sememangnya akan merubah pelbagai aspek dalam ekonomi dalam semua sektor dan nampaknya syarikat platform media sosial telah mengambil langkah. Tanpa penentangan dari kelas pekerja yang tersusun situasi ini akan berterusan dan terus menghakik hak-hak demokrasi kelas pekerja. Perjuangan pekerja yang tersusun melalui kesatuan sekerja harus dibina dan kesatuan yang birokratik dan menyebelahi majikan harus dibantah dengan pembinaan kesatuan yang lebih mandiri dan militan dalam posisi menentang penindasan kelas majikan.

Kesinambungan daripada protes Gempur Rasuah yang dianjurkan mahasiswa dan anak muda di Sabah dalam menutup tirai 2024, kini mahasiswa dan anak muda di semenanjung pula sedang mengorak langkah. Ketika penulisan ditulis, mereka sedang mengatur protes berupa perarakan di tengah bandar raya Kuala Lumpur. Protes yang dinamakan Rakyat Benci Rasuah merupakan satu refleksi dalam krisis ekonomi kapitalis yang diteruskan lagi dengan krisis politik yang tidak berkesudahan.

Himpunan solidariti Najib dan pelantikan Tun Musa Aman sebagai YDP negeri Sabah merupakan antara contoh krisis terkini dalam keretakan di dalam politik negara. Individu-individu korup terus diangkat menjadi pemimpin di dalam kerajaan Anwar. Bermula dengan pelantikan Zahid Hamidi sebagai timbalan perdana menteri, ini diteruskan lagi dengan beberapa pemimpin kerajaan yang dibebaskan dari tuduhan korupsi seperti Bung Mokhtar dan isterinya. Masing-masing mempunyai tuduhan korupsi bernilai jutaan ringgit dan pelbagai tuduhan salah guna kuasa.

Anak muda yang menyaksikan ini sementara krisis ekonomi dan sosial semakin meruncing merasakan tidak adanya jaminan masa depan yang stabil melainkan sebuah situasi yang lebih teruk berbanding ketika zaman usia muda ibu bapa mereka. Pertubuhan HARAM iaitu sebuah inisiatif daripada gabungan lima kesatuan mahasiswa yang bertujuan untuk merapatkan jurang politik antara rakyat tertindas

telah diwujudkan pada Julai lalu. Hal yang tercetus berikutan penentangan mahasiswa Universiti Malaysia Sabah terhadap penguasaan kerajaan negeri dalam isu air dan kemiskinan yang menyebabkan anak muda di Sabah yang terpinggir ditindas lebih teruk dalam masyarakat. Misalnya Sekolah Alternatif, sebuah usaha mahasiswa di Sabah untuk memberikan akses pendidikan kepada masyarakat terpinggir telah menyaksikan sendiri kekejaman pihak kerajaan negeri mengancam pembangunan dan aktiviti sekolah yang mereka bina dan rumah keluarga anak murid mereka dibakar oleh pihak pemaaju dan penduduk diusir dari kawasan tempat tinggal.

Ini telah memaksa anak muda untuk memilih jalan alternatif iaitu protes di jalanan untuk memberi tekanan pada pihak kerajaan agar menghentikan permainan politik elit dan mengutamakan keadaan rakyat. Kita harus akui bahawa protes Rakyat Benci Rasuah yang akan diadakan oleh mahasiswa dan anak muda pada akhir Januari ini merupakan aksi yang berani kerana berhadapan dengan bukan saja undang-undang, tetapi juga status mereka sebagai mahasiswa di universiti. Wajar kita ambil penghargaan akan pengorbanan mahasiswa untuk membawa isu rasuah dalam pengurusan kerajaan ke hadapan. Bagi mahasiswa sebagai anak muda yang terpelajar, pastinya persoalan masa depan yang mungkin akan tertangguh disebabkan risiko yang ditanggung akibat menyusun dan menyertai protes ini terlintas dalam fikiran

mereka.

Tetapi pada tahap ini, pada era pasca pandemik COVID-19, dengan perubahan perdana menteri lebih dari 3 kali dalam tempoh kurang dari 2 tahun sejak PRU ke-15 sementara penindasan terhadap rakyat dan politik rasuah masih berterusan, bermakna anak muda dan mahasiswa sudah tidak percayakan politik elit dan memaksa mereka menuntut perubahan yang benar-benar konkrit di jalanan. Ekspresi kebencian melalui protes Rakyat Benci Rasuah sememangnya dikongsi oleh kebanyakan rakyat dan tuntutan umum untuk mengenakan tindakan undang-undang keatas ahli politik yang korup sememangnya harus disambut. Tetapi harus kita fahami ekspresi ini membawa maksud tersirat untuk sebuah politik alternatif baru yang lebih progresif dan berasaskan kepentingan rakyat. Gerakan mahasiswa dan anak muda melalui protes Rakyat Benci Rasuah berhasrat untuk mencabar status quo.

Pada peringkat ini, adakah gerakan ini akan mirip dengan protes Bersih pada 2016 yang membawa tuntutan kerajaan dan pilihanraya 'bersih' dari pemimpin elit korup – masih belum jelas. Apa yang pasti bagi anak muda dan mahasiswa serta kepimpinan kelas pekerja harus melihat perkembangan ini sebagai satu perkembangan positif. Terutama setelah Anwar Ibrahim memegang kuasa kerajaan dan aktivis akar umbi terdahulu seperti Adam Adli dan Maria Chin telah mendapat jawatan, ini merupakan satu perkembangan progresif. Lapisan aktivis sosial yang baru muncul harus

Protes Mahasiswa dan Anak Muda

Rakyat Benci Rasuah

oleh Shaqirah Shauqi



Gambar: Buletin TV3

dilihat sebagai peluang untuk berdiskusi dalam menjalinkan hubungan antara kelas pekerja dan mahasiswa. Naratif yang berasaskan perspektif politik kelas pekerja harus dibawa ke arena politik negara setelah ia dirampas oleh pembangkang Pakatan Harapan melalui pelbagai kempen untuk kepentingan mereka. Seperti Asalkan Bukan Umno (ABU) termasuklah NGO Bersih itu sendiri yang pernah dipergunakan oleh Pakatan Harapan.

Malah Parti Sosialis Malaysia (PSM) juga terpedaya dengan janji mereka dan memberikan harapan kepada PH. Kata Dr Jeyakumar yang bertanding di Sungai Siput di bawah bendera PSM pada 2018 berkata "sejak dari hari pertama kita telah menyatakan

sokongan kepada PH, jadi undilah kami jika PH tidak bertanding kawasan anda". Kemuflihan politik alternatif yang kini wujud dalam negara telah membawa kepada inisiatif mahasiswa dan anak muda dalam protes Rakyat Benci Rasuah. Bagi mereka, penentangan terhadap permainan politik elit tidak mempunyai kepimpinan yang benar-benar membawa suara rakyat. Setiap parti politik elit pada waktu ini mempunyai agenda masing-masing samaada PN mahupun PAS.

Meskipun mereka cuba untuk membawa imej sebagai pejuang keadilan dan penegak undang-undang tetapi kedangkalan mereka kerana memberi solidariti kepada

bersambung ke mukasurat sebelah

sambungan dari muka sebelum

pemimpin korup Najib dalam Solidariti Najib dan tiadanya penentangan terhadap pelantikan Musa Aman sebagai YDP negeri Sabah antaranya jelas telah mendedahkan sikap parti-parti elit yang hanya mempergunakan isu negara untuk mengukuhkan status mereka sendiri. Apa yang diperlukan untuk membawa tuntutan sehingga politik rasuah dapat dihapuskan sepenuhnya adalah sebuah platform politik yang dapat membawa tuntutan yang berasaskan kelas. Kerana hakikat isu rasuah yang berleluasa dalam politik dan mempengaruhi efisiensi kerajaan adalah isu sistemik yang berasal dari struktur kerajaan yang tidak demokratik dan mementingkan kelas elit borjuis.

Soal ketelusan dalam kerajaan harus diberikan kepada urusan tadbir rakyat dan kepimpinan kelas

pekerja. Hak untuk menarik semula jawatan serta semak dan imbang harus diberikan kepada integriti kepimpinan kelas pekerja yang jauh lebih boleh dipercayai berbanding kelas politik elit borjuis. Perjuangan ini harus bermula dari peringkat akar umbi dengan penyertaan aktif anak muda dan kepimpinan kelas pekerja dalam membawa naratif ini ke arena politik negara.

Ayuh bina perjuangan bersama Sosialis Alternatif dan juga Solidariti Pekerja dalam perjuangan menghapuskan politik rasuah. Kepimpinan mahasiswa yang inginkan perubahan kekal dalam mengakhiri ketirisan dan korupsi harus bangkit dan berjuang bersama-sama, berganding bahu dengan kepimpinan kelas pekerja yang turut mempunyai kesedaran yang sama untuk mengakhiri ketirisan kerajaan secara sepenuhnya.

TUNTUTAN KAMI:

1. Rasuah tidak dapat dipisahkan dari sistem kapitalisme. Hapuskan punca kepada simptom rasuah dengan meletakkan ekonomi negara di bawah kawalan pekerja secara demokratik.
2. Menentang ilusi demokrasi borjuis dan sistem perundangannya. Gantikan demokrasi kelas kapitalis dengan demokrasi kelas pekerja; menuntut hak pekerja untuk menarik semula jawatan kepimpinan politik pada bila-bila masa.
3. Menuntut pemansuhan akta-akta yang menindas gerakan kebangkitan rakyat. Termasuk akta-akta yang menghalang pembinaan kesatuan di tempat kerja dan hak mahasiswa berpolitik di institusi pendidikan. Mansuhkan AUKU, dan Akta Hasutan 1948!
4. Perikatan politik independen di antara kelas pekerja, mahasiswa dan golongan minoriti yang ditindas; ke arah pembinaan parti pekerja revolusioner sebagai platform politik alternatif untuk menggantikan politik elit dan membawa politik kelas pekerja ke arena politik negara dan seluruh dunia!
5. Peningkatan gaji yang selayaknya dan bermaruah buat kelas pekerja. Menuntut kadar gaji yang selaras dan adil mengikut inflasi dan kos kehidupan yang semakin meningkat!
6. Hapuskan sistem ekonomi kapitalisme yang menghasilkan rasuah, ketirisan dan kesenjangan ekonomi yang ekstrem! Ke arah pembinaan sebuah masyarakat yang berpaksikan kepentingan kelas pekerja dan bukannya kelas kapitalis; ke arah sistem Sosialisme!

Kelas Pekerja Pecat Presiden Korea Selatan

Krisis menimpa kerajaan kapitalis —
bina parti pekerja massa sekarang!

oleh Kelvin Lai



Gambar: ABC News

Kekecohan tercetus sejam sebelum tengah malam pada 3hb Disember lalu, apabila bekas Presiden Korea Selatan Yoon Suk Yeol mengisytiharkan darurat atas alasan “ancaman daripada kuasa pro-Korea Utara dan pemberontakan anti-negara”. Tindakan umpama kudeta ini ternyata satu kesilapan besar oleh ketua parti konservatif People Power Party (PPP) yang kini telah dihina dan disingkirkan oleh partinya sendiri.

Cetusan kemarahan yang besar di kalangan rakyat terutamanya pekerja dan anak muda yang akhirnya berjaya menjatuhkan Yoon dari tampuk kuasa menjadi tumpuan utama dalam krisis politik di Korea Selatan.

Setelah lebih sebulan dalam situasi tegang, pada 15hb Januari, lebih 3,000 anggota polis menyerbu kediaman rasminya di Seoul, kemudian barulah beliau memuktuskan untuk hadir ke Pejabat Sia-

satan Rasuah. Agenda disebalik pengisytiharan darurat pastinya bukan kerana ancaman keselamatan negara yang cuba disemai di kalangan rakyat Korea Selatan, tetapi kerana keterdesakan untuk mengekalkan kuasa setelah popularitinya merosot. Naratif liberal mengatakan kejatuhan Yoon adalah berpunca daripada ketidakcekapan dan korupsi individu.

Tetapi krisis politik di Korea Selatan bukan satu isu baru. Krisis ekonomi global dan Asia pada tahun 1997 telah kekal berlarutan dan berpanjangan kini menyebabkan perpecahan di kalangan elit kerajaan itu sendiri dalam isu dasar luar negara yang melihatkan perpecahan antara kem Rusia dan China ataupun AS. Cubaan Yoon untuk melancarkan pemotongan-pemotongan hak demokrasi terhadap kelas pekerja telah mendapat tentangan yang besar dari pihak pembangkang

yang merangkumi hampir majoriti di dalam kerajaan. Misalnya Yoon cuba meningkatkan jam kerja daripada 56 jam seminggu ke 69 jam seminggu.

Penentangan yang wujud adalah disebabkan sejarah perjuangan kelas pekerja di Korea Selatan itu sendiri yang kaya dengan pengalaman-pengalaman susunan aksi industri seperti mogok. Terutama pada tahun 1987 yang telah mengakhiri penjajahan AS, gerakan kesatuan sekerja yang militant pada waktu itu telah menjadi asas bagi perjuangan kelas pekerja di Korea Selatan pada waktu ini. Mengikut laporan pemerhati politik dan gerakan pekerja di Korea Selatan, Committee for a Workers' International (CWI), KFTU Korean Federation of Trade Unions telah memainkan peranan yang cukup penting dalam menggagalkan rencana Yoon untuk meneruskan perintah darurat. Malah dalam

rencana penangkapan individu yang membantah Yoon – termasuk daripada partinya sendiri – juga beberapa kepimpinan KFTU turut diarahkan untuk ditangkap. Ini menunjukkan kekuatan pengaruh KFTU dalam menggerakkan kelas pekerja.

Siri mogok telah pun wujud di dalam sektor-sektor utama sebelum perintah darurat diumumkan. Serangan neo liberalisasi ke atas kehidupan kelas pekerja di Korea Selatan seperti inflasi, dan pemotongan ke atas perbelanjaan hak awam telah mencetuskan siri-siri mogok di sektor-sektor utama dalam industri ekonomi. Sepanjang 2023, sifatnya menjadi lebih umum, militan dan politikal. Antara contoh terbaik pada Julai tahun itu, lebih 100,000 ahli Kesatuan Pekerja Logam Korea menyertai mogok nasional menentang union busting. Kemudian pada September, 13,000 pekerja dari Kesatuan Pekerja Keretapi Korea mogok empat hari selepas rundingan gaji dan kondisi pekerjaan gagal menemui kata sepakat. Lagi pada November, 23,000 pemandu lori kontrak dari Solidariti Pemandu Lori Kargo mogok tiga hari menuntut pampasan yang adil. Menjelang akhir tahun lepas, lebih 355,000 hari kerja telah hilang akibat mogok.

Bahkan pada 2024, momentum perjuangan pekerja dikatakan cukup bersejarah dan tidak pernah disaksikan sejak 40 tahun lalu di Korea Selatan. Antara detik paling bersejarah – Julai lalu, kesatuan terbesar Samsung mengetuai ribuan pekerja dalam mogok tanpa had selepas perundingan gaji menemui jalan buntu. Meskipun mogok ini mendapat tentangan dan tindakan keras pihak polis, tetapi perjuangan pekerja yang tersusun adalah perjuangan yang digeruni kelas kapitalis dan mampu menekan kerajaan untuk menunaikan tuntutan pekerja.

Cetusan gerakan pekerja yang tersusun melalui aksi-aksi industri telah mempersiapkan kelas pekerja di Korea Selatan untuk menyertai seruan KFTU untuk melaksanakan mogok umum secara serentak sehingga Yoon meletakkan jawatan. Kepercayaan kelas pekerja terhadap kepimpinan KFTU untuk menyahut se-

ruan mogok umum sehingga meletakkan jawatan adalah sesuatu yang cukup signifikan dan harus dicontohi kesatuan-kesatuan dalam negara. Tetapi perjuangan pekerja di Korea Selatan bukannya lurus dan menghadapi cabaran yang sama secara umum di seluruh dunia.

Misalnya pembirokrasian kesatuan sekerja turut dirasai di negara yang kaya dengan sejarah perjuangan pekerja ini. Dalam undian kepercayaan terhadap kesatuan sekerja, tidak lebih dari 60% purata pekerja yang mempercayai kepimpinan kesatuan sekerja. Masakan tidak, peningkatan neo liberalisasi dan program penjimatan yang dilancarkan oleh kerajaan tidak mendapat tentangan secukupnya oleh pihak kesatuan.

Malah dikatakan ada beberapa individu kepimpinan dalam kesatuan yang rapat dengan kerajaan. Manakala dalam isu politik, undang-undang kesan daripada perang dingin pada 1950-1953 menyebabkan parti-parti kiri dan pekerja yang membawa idea-idea alternatif ditindas, dan pada hari ini didominasi parti pembangkang Parti Demokratik (DP) yang populis tetapi pada intinya mempunyai dasar ekonomi yang sama dengan PPP – parti konservatif yang dipimpin oleh Yoon.

Apa yang benar-benar diperlukan oleh rakyat biasa di Korea Selatan kini — mahupun oleh rakyat sedunia dalam menghadapi krisis kapitalisme global adalah untuk kelas pekerja merebut kuasa politik untuk kepentingan kelas sendiri. Kerana hanya melalui ekonomi yang dirancang secara demokratik dan dimiliki secara kolektif oleh majoriti rakyat, berdasarkan keperluan dan bukan keuntungan, barulah hak setiap manusia untuk hidup bermaruah dapat direalisasikan dan dijamin selama-lamanya.

Untuk mencapai matlamat tugas sejarah ini, pekerja di Korea Selatan dari semua sektor dan semua pekerja di seluruh dunia mesti berjuang untuk membina sebuah parti massa yang memperjuangkan hak rakyat biasa dan setiap golongan tertindas, serta 100% bebas daripada pengaruh politik kelas kapitalis.

Jerman yang merupakan industri yang gemilang prestasinya di Eropah Barat kini berdepan dengan krisis yang belum pernah dilihat sebelum ini. Secara zahirnya, kenaikan kos tenaga yang sebahagiannya akibat perang Rusia di Ukraine dan kebangkitan pesat industri kenderaan elektrik (EV) di China serta pendekatan “lembut” terhadap perebutan kuasa di pasaran dunia yang semakin terpolarisasi, telah pun menyumbang kepada kemerosotan industri Jerman. Namun, faktor-faktor ini sahaja tidak cukup untuk membawa kita kepada akar permasalahan sebenar.

Hakikatnya, (*overproduction*) pengeluaran berlebihan — satu ciri khas dalam ekonomi kapitalis moden pada zaman ini telah menjadi penyebab utama kemerosotan industri Jerman. Sejak kejatuhan rejim USSR Stalin pada 1991 yang melihatkan peralihan ekonomi neoliberal di dunia pada 1970-an dan pemusatan monopoli di Barat yang semakin didominasi oleh modal kewangan berbentuk pelaburan spekulatif — kemudian ditambah lagi dengan sifat kelas kapitalis yang lebih cenderung mengejar keuntungan yang cepat melalui pelaburan kewangan berbanding melabur semula dalam industri pembuatan atau menghasilkan barangan yang benar-benar diperlukan untuk kemajuan masyarakat, telah menjadi faktor utama terhadap kemerosotan industri di Jerman. Para liberal mengatakan kemerosotan industri di Jerman adalah disebabkan isu “deindustrialisasi”. Tetapi realitinya krisis kemerosotan industri di Jerman mempunyai asas yang sistemik dalam ekonomi kapitalisme.

Sejak itu, industri produktif menghadapi tekanan yang berterusan. Ketika pihak kapitalis berusaha mengembalikan keuntungan, kelas pekerja pula menjadi semakin miskin — gaji tidak meningkat, perlindungan sosial semakin lemah, dan dasar penjaminan kerajaan telah memperdalam jurang kemiskinan di dalam kalangan kelas pekerja di eropah. Pembuangan kerja secara besar-besaran, pemotongan gaji dengan sewenang-wenangnya dan perpindahan pusat industri seperti kilang ke negara lain untuk mendapatkan buruh murah semakin meningkat. Kelas pekerja — yang

Industri Eropah Dilanda Krisis

Puluhan ribu pekerja melawan kerakusan kelas majikan dan pemodal di Jerman

oleh Kelvin Lai



Gambar: Hinrich Foundation

juga merupakan pembeli dan pengguna — tidak lagi mampu untuk membeli barangan dan secara umum, kuasa membeli telah jatuh dengan mendadak seiring dengan kos sara hidup yang meningkat dan krisis gaji di kalangan kelas pekerja.

Krisis ini mencerminkan sifat anarkistik ekonomi pasaran bebas yang tidak dirancang dan langsung mempercepatkan lagi kitaran kejatuhan permintaan, penutupan kilang, dan perpindahan modal pelaburan ke ekonomi berupah rendah. “Keajaiban ekonomi” (*Wirtschaftswunder*) Jerman pasca-1989 kini terdedah sebagai sistem yang rapuh dan sarat dengan krisis.

Dalam usaha mengekalkan ilusi kestabilan, kerajaan Jerman telah mencurahkan berbilion euro — hasil kutipan dari cukai rakyat untuk menyelamatkan syarikat-syarikat korporat dan menawarkan pemotongan cukai serta subsidi untuk memastikan industri utamanya terus bertahan. Mirip dengan situasi dalam negara di bawah pemerintahan Anwar dengan rancangan pemotongan sub-

sidi diesel dan elektrik. Namun langkah-langkah tersebut tidak akan menyelesaikan krisis yang semakin mendalam dalam sistem kapitalisme di Jerman. Borjuasi Jerman, yang terperangkap antara keterbergantungan pada pasaran eksport global, kini berdepan dengan sebuah percanggahan yang tidak dapat diselesaikan. Sikap tamak untuk kepentingan mereka sendiri dalam usaha untuk menyelamatkan industri — semaksima mungkin, akan menyengsarakan kelas pekerja.

Pada Disember lalu, gergasi industri seperti Volkswagen, Bosch dan Siemens mengumumkan pemecatan kerja besar-besaran, atas alasan “penstrukturan semula syarikat” akibat kejatuhan permintaan dan kenaikan kos. Khususnya dalam kes Volkswagen, menurut koresponden internasional kami (CWI) di Jerman, “ketika ini VW mempunyai 296,000 pekerja di 10 kilang di Jerman, dan 3 daripadanya dikatakan akan ditutup. Ini termasuklah ancaman pemotongan gaji sebanyak 10% untuk semua pekerja dan tiadanya jaminan untuk seba-

rang rundingan kolektif semasa.”

Sebagai tindak balas, gelombang aksi industri telah tercetus di seluruh negara. Puluhan ribu pekerja logam, pekerja automotif dan pekerja logistik mengadakan mogok dan protes, menuntut bukan sahaja jaminan pekerjaan dan perlindungan gaji tetapi juga pengakhiran kepada motif keuntungan korporat tidak terkawal yang menjadi punca penderitaan pekerja. IG Metall, yakni kesatuan sekerja industri terbesar di Jerman, menghadapi tekanan daripada ahli-ahli kesatuan untuk mempertingkatkan strategi menjangkaui meja rundingan yang sentiasa dikawal undang-undang birokratik.

Laporan daripada Committee for a Workers International CWI Jerman di lapangan mendedahkan ketidakpuasan hati yang semakin mendalam bukan saja terhadap beberapa individu majikan tetapi terhadap seluruh struktur kapitalisme Jerman.

Sementara itu, birokrat kesatuan industri seperti IG Metall dan Konfederasi Kesatuan Sekerja Jerman, ramai di antaranya

berada di bawah naungan Parti Demokratik Sosial (SPD) yang bersifat reformis dan pro-perang di Ukraine, berusaha berhabisan untuk meredakan ketegangan. Daripada memberikan ruang politik kepada kepimpinan gerakan kelas pekerja yang sedang berjuang berhabis-habisan menentang serangan neoliberal, mereka secara aktif melemahkan militansi pekerja melalui rundingan tertutup, dan janji-janji kosong bahawa pemotongan pekerjaan boleh dikurangkan melalui kompromi. Dan seperti yang dijanjikan, gerakan kelas pekerja telah ditindas oleh kelas pemerintah Jerman dengan penindasan yang melampau.

Polis dikerah untuk membubarkan protes, sementara media korporat melaporkan gerakan pekerja sebagai tidak rasional dan penyebab ketidakstabilan ekonomi negara. Namun, usaha ini merupakan usaha tersusun kelas kapitalis dan kelas pemerintah untuk menutup krisis yang semakin mendalam dan reaksi mereka terhadap kebangkitan kelas pekerja melalui penindasan mencerminkan ketakutan kelas pemerintah dan kapitalis akan potensi gerakan pekerja yang memungkinkan gerakan tersebar ke seluruh eropah.

Krisis industri di Jerman bukan sesuatu yang asing daripada ekonomi global. Ekonomi krisis bukan saja dirasai di Jerman dan eropah tetapi diseluruh dunia termasuk dalam negara. Krisis gaji yang tidak meningkat, pemotongan perbelanjaan dalam servis awam dan subsidi seperti diesel antaranya merupakan ciri kapitalisme dalam krisis dan kelas kapitalis sedang mencari segala jalan untuk mencuri kekayaan daripada kelas pekerja untuk menampung kerugian.

Ini dapat dilihat ketika waktu dunia sedang dilanda pandemik COVID 19. Kelas kapitalis dunia berjaya meningkatkan kekayaan terbesar dalam sejarah sementara hak demokratik kelas pekerja dan taraf kehidupan semakin merosot. Oleh itu, tindak balas oleh kelas pekerja juga mesti bersifat antarabangsa. Pekerja Jerman mesti menghubungkan perjuangan mereka dengan pekerja lain yang ditindas samaada di dalam negara EU itu sendiri mahupun negara-negara neokolonial.

PENERBITAN SOLIDARITI PEKERJA



Melalui Penerbitan Solidariti Pekerja, kami di Sosialis Alternatif menyajikan karya-karya yang terlahir dari keperluan yang mendesak bagi memperjelaskan apa yang kami perjuangkan, dan apa yang mesti dibangunkan demi mengukuhkan politik pekerja yang berkuasa dengan diri sendirinya. Akhbar, risalah, buku, dan setiap terbitan kami tidak bertujuan menyampaikan maklumat semata-mata, tetapi dengan matlamat untuk menjadi cahaya yang menerangi jalan pembebasan kelas pekerja, mengukuhkan pemahaman akan cita-cita sosialisme serta jalan dan strategi untuk mencapainya. Antara keseimbangan teori dan amalan, terletaknya bimbingan ke arah sosialisme. Setiap ringgit yang diterima daripada jualan digunakan oleh kami untuk membangunkan gerakan pekerja untuk mengambil alih kuasa secara demokratik.

Tempah mana-mana terbitan kami melalui borang pesanan kami yang boleh diimbis melalui kod QR disebelah. Selamat melayari!

Krisis Banjir

Masalah sistemik yang memerlukan pembinaan perjuangan politik kelas pekerja

oleh Liam

Banjir pada tahun ini dijangkakan akan melanda lebih buruk berbanding pada tahun 2014 dengan mencatatkan lebih 300 000 penduduk yang perlu dipindahkan pada tahun itu. Pada tahun ini hampir 200 000 yang telah menjadi mangsa. Banjir di Sabah telah mencatatkan hampir 3000 mangsa, manakala di Sarawak, banjir yang dikatakan terburuk dalam sejarah telah mencatatkan jumlah yang sedang meningkat ke hampir 7000. Pola perubahan iklim dunia yang melihatkan hujan yang semakin bertambah, seperti pada tahun 2022 banjir terburuk di Lembah Klang yang menyebabkan kematian 19 orang, kerajaan seharusnya lebih bersedia pada tahun ini. (banjir masih sedang berlaku di Sabah dan Sarawak pada waktu penulisan ini ditulis)

Perubahan iklim telah mencatatkan kerugian terbesar di dunia sejak dua tahun kebelakangan ini. Tahun lepas, laporan International

Chamber of Commerce mencatatkan kerugian lebih 2 trillion dollar disebabkan perubahan iklim. Satu jumlah terbesar sejak 1980 selepas mengambil kira kadar inflasi pada abad ini. Kita juga dapat menjangkakan kerugian yang tinggi bagi kerajaan Madani akibat kali ini. Meskipun TPM belum lagi dapat mengeluarkan jumlah kerugian secara keseluruhan, tetapi pada tahun 2023, kerajaan mengeluarkan hampir RM 800 juta perbelanjaan dalam menampung kos kerugian.

Baru saja Januari lepas kerajaan negeri Kelantan melaporkan kerugian mencecah RM 300 juta melibatkan kos pembaikan infrastruktur awam dan industri pertanian. Sementara industri agro makanan pula mengikut laporan Mohamad Sabu, industri rugi RM 177 juta. Jika kita lihat isu yang mendasari krisis banjir, proses kitaran seperti hujan dan ribut adalah mengikut hukum alam secara semula



Gambar: Kosmo Digital

jadi. Oleh itu krisis berlaku hanya apabila masyarakat manusia tidak bersedia menghadapinya. Banjir dan bencana alam hanya dapat diselesaikan melalui campur tangan kepimpinan rakyat iaitu kelas pekerja dalam mengambil alih kaedah perancangan kelas pemerintah elit dalam menangani banjir dan menggantikannya dengan perancangan yang berpihak kepada rakyat dan kelas pekerja. Isu banjir bukan lagi asing dalam negara. Ia berlaku setiap tahun dan kerugian akibat kerosakan daripada banjir juga berlaku setiap tahun.

Krisis banjir sememangnya membantutkan kehidupan rakyat biasa. Samada dari segi pendidikan, dan mata pencarian. Terutama rakyat yang tinggal di kawasan luar bandar yang bergantung dengan ekonomi pertanian dan perikanan. Banjir menjadi sebahagian besar dari isu sistemik yang menyebabkan jurang ekonomi dan kemiskinan yang berterusan.

Perjuangan harus bermula di peringkat akar umbi dengan perspektif politik yang berjuang untuk menghapuskan birokrasi kelas pemerintah elit dan diganti-

kan dengan demokrasi kelas pekerja. Sememangnya kelas pekerja dan rakyat biasa yang lebih tahu akan urusan mereka sendiri. Kelas pemerintah elit yang bekerja di pejabat hanya turun padang bila perlu. Melalui susunan di peringkat komuniti setempat mahupun ditempat kerja melalui kesatuan ditempat kerja, gerakan yang lebih progresif mampu dibina atas dasar solidariti untuk menghadapi segala bencana alam pada masa akan datang.

Menurut laporan MUNICEF pada akhir tahun 2023, dalam kalangan ketua keluarga wanita, tahap kemiskinan adalah pada kadar 60 peratus, bermakna 6 daripada 10 ibu tunggal hidup di bawah garis kemiskinan. Kemudian pada akhir tahun lepas, menurut laporan media-media utama, yuran bulanan pusat penjagaan kanak-kanak akan meningkat sehingga 30%.

Purata yuran bulanan sudahpun mencecah RM 800. Jika dibandingkan dengan gaji minimum RM 1700, sebanyak 48% perlu dibelanjakan bagi ibu-ibu tunggal yang memerlukan perkhidmatan penjagaan untuk satu anak. Ini tidak termasuk kos-kos lain untuk menampung kehidupan ibu dan anak-anak seperti kos perumahan, pengangkutan dan kos kesihatan.

Lagi mengikut kajian Index Jurang Gaji antara Jantina pada 2023 menunjukkan wanita dengan pengalaman, kelayakan, dan jawatan yang sama hanya mem-

peroleh RM66 berbanding lelaki yang memperoleh RM100. Secara purata, lelaki memperoleh RM63,117 setahun, manakala wanita hanya menerima RM42,080. Ini juga tidak bermaksud wanita mempunyai pendidikan yang lebih rendah berbanding lelaki. Menurut sub-indeks Pencapaian Pendidikan, pencapaian wanita telah melebihi lelaki dengan skor 107.1 peratus pada 2023.

Pencapaian yang tinggi ini walau bagaimanapun bukan saja tidak diterjemah mengikut gaji yang selayaknya bagi wanita, tetapi juga tidak terpamer dari segi perwakilan kerajaan dan jawatan eksekutif dalam syarikat dengan hanya kurang 30% penyertaan wanita. Setiap dari isu yang membungkam kebebasan wanita bukan sesuatu yang asing.

Dan meskipun peningkatan keterlibatan wanita ke dalam kerajaan adalah satu usaha yang patut disambut baik dari segi melibatkan perspektif wanita dalam

rencana kerajaan, namun limitasi yang wujud dalam kerajaan itu sendiri menyebabkan isu-isu wanita sering menjadi isu dalam rangka solusi yang minimum.

Misalnya ketergantungan ekonomi wanita suri rumah terhadap suami yang sering menyebabkan wanita terjerat dalam hubungan yang menindas, tidak mempunyai simpanan masa hadapan, mahupun kebebasan ekonomi untuk melakukan hal sendiri, jawapan bagi solusi ini adalah simpanan KWSP berupa i-suri yang dicarum melalui gaji suami.

Penindasan terhadap wanita merupakan penindasan sistemik yang berasas dalam masyarakat kelas kapitalis. Golongan wanita

yang memenuhi setiap lapisan bangsa dan agama ditindas berganda terutamanya golongan minoriti seperti orang asli ataupun pekerja migran. Dalam masa yang sama disebabkan masyarakat kelas itu sendiri wujud golongan wanita daripada kelas kapitalis yang juga menindas kelas pekerja dan kelas pekerja wanita.

Misalnya salah guna kuasa di dalam kerajaan mahupun “mencuri” gaji pekerja. Oleh itu sebuah gerakan wanita yang berjuang untuk menghapuskan penindasan wanita mesti membawa tuntutan yang berasaskan solidariti kelas pekerja dan bukan terasing dari sudut perjuangan identiti.

Penindasan terhadap wanita harus dilihat sebagai

penindasan kelas kapitalis yang ingin mengaut keuntungan semaksima mungkin.

Perpecahan hanya menguntungkan kelas kapitalis untuk terus mengeksploitasi kelas pekerja.

Penindasan Terhadap Wanita

Bina perjuangan politik pekerja demi hak wanita

oleh Shaqirah Shauqi

**AYUH BINA
PERJUANGAN WANITA
DENGAN JALINAN
SOLIDARITI SEMUA
KELAS PEKERJA YANG
DITINDAS KELAS
KAPITALIS!**

PENDIDIKAN

- Hak Pendidikan yang percuma dan berkualiti untuk semua termasuk di Universiti dan Kolej: Memansuhkan yuran pengajian di Universiti dan Kolej dan menghapuskan hutang pelajar termasuk PTPTN.
- Menuntut autonomi sepenuhnya kepada universiti dan kolej untuk mengeluarkan graduan kreatif untuk pembangunan keperluan rakyat biasa dan bukannya berpaksikan kepada keuntungan maksimum kapitalis.
- Tidak kepada penswastaan pendidikan termasuk pengkorporatan universiti dan kolej awam. Miliknegarakan atau pemilikan awam segala entiti pendidikan daripada tadika hinggalah ke universiti dengan pembiayaan yang secukupnya untuk meningkatkan kemudahan dan kualiti pendidikan.
- Menyokong hak pekerja awam di bidang pendidikan, guru dan pensyarah untuk mempertahankan hak mereka dan autonomi pendidikan.
- Untuk mentransformasikan Persatuan Pelajar kepada Kesatuan Pelajar yang bebas, demokratik dan memperjuangkan hak dan keperluan pelajar.
- Untuk membentuk pendidikan yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan melalui pemilikan awam, dan ianya diuruskan secara demokratik dan percuma di semua peringkat - sistem pendidikan sosialis.

PEKERJAAN DAN KEBAJIKAN

- Menyokong perjuangan anak muda dan warga pekerja untuk hak pekerjaan.
- Hapuskan pengangguran dengan hak pekerjaan yang adil untuk semua.
- Hapuskan polisi 'buruh murah' atau penghambaan pekerja, dengan mewujudkan gaji minimum atau gaji saraan hidup (living wage) yang setimpal dengan kenaikan inflasi.
- Hapuskan amalan 'outsourcing' dan buruh kontrak yang mengakis hak pekerja dan kesatuan sekerja.

- Peluang latihan yang adil untuk anak-anak muda dengan gaji saraan hidup, termasuk pekerjaan yang terjamin selepas latihan.
- Hentikan pembuangan pekerja di sektor awam atau swasta. Miliknegarakan syarikat yang mengancam penutupan, di bawah kawalan demokratik oleh kesatuan sekerja dan warga pekerja.
- Majikan harus memperuntukkan elaun perumahan, pengangkutan, makanan dan faedah-faedah lain yang diperlukan untuk kebajikan pekerja.
- Hak penubuhan kesatuan sekerja tanpa sebarang sekatan undang-undang oleh kerajaan atau campurtangan majikan.
- Pinjaman perumahan tanpa faedah oleh kerajaan untuk memastikan keluarga miskin memiliki tempat kediaman. Pinjaman perumahan kerajaan dengan faedah yang rendah harus diperluaskan kepada warga pekerja di sektor swasta.
- Membina tempat-tempat rekreasi awam percuma dan berkualiti kepada anak muda dan pekerja.

HAK DAN DEMOKRASI

- Mempertahankan hak untuk membantah dan berdemonstrasi. Tiada penganiayaan kepada penunjuk perasaan. Hak untuk berorganisasi di setiap sekolah, kolej dan universiti.
- Hentikan keganasan polis terhadap demonstrasi dan rakyat biasa.
- Tiada rasisme, seksisme, homophobia, dan semua bentuk diskriminasi.
- Pertahankan hak dan budaya semua minoriti termasuk orang asal.
- Hak pekerjaan, perumahan dan perkhidmatan tanpa diskriminasi kaum, agama dan jantina.
- Hentikan serangan ke atas hak-hak wanita.
- Wujudkan semula pilihanraya kerajaan tempatan di setiap daerah.
- Tidak kepada parti-parti yang berlandaskan kapitalisme. Berkempen untuk pembinaan

parti massa kelas pekerja dan anak muda untuk mempertahankan hak dan kepentingan rakyat biasa.

- Hentikan penswastaan perkhidmatan awam. Miliknegarakan semula semua kemudahan awam dengan kawalan demokratik kesatuan sekerja dan rakyat biasa.
- Hentikan pemotongan subsidi dan mula merancang ekonomi berlandaskan keperluan rakyat, bukan keuntungan maksimum.

SOLIDARITI ANTARABANGSA DAN DEMOKRATIK SOSIALISME

- Untuk solidariti antara kelas pekerja dan anak muda di seluruh dunia.
- Solidariti dengan Perjuangan Anak Muda dan Pekerja di Timur Tengah/Afrika Utara untuk pembentukan kerajaan kelas pekerja dan petani miskin.
- Tidak kepada peperangan dan campur tangan imperialis. Untuk pengosongan segera semua tentera asing dari Afghanistan dan Iraq.
- Tamatkan kepungan Gaza di Palestin dan hormati hak pembentukan negara Palestin.
- Hentikan pembinaan peluru berpandu nuklear dan hapuskan segala senjata yang boleh memusnahkan alam.
- Menyokong kempen solidariti Tamil Sri Lanka - untuk hak semua rakyat untuk menentukan pilihan sendiri.
- Tidak kepada kemusnahan alam sekitar. Bagi pelan yang mampan berlandaskan kepada demokratik sosialisme untuk industri pengeluaran yang tidak akan memusnahkan planet ini.
- Tidak kepada kapitalisme. Bagi dunia sosialis, di mana monopoli besar dijadikan pemilikan awam, dengan ekonomi yang dirancang secara demokratik dan sumber-sumber alam dipergunakan untuk memenuhi keperluan manusia sejagat.

Sosialis Alternatif adalah sebahagian daripada pertubuhan sosialis dan kelas pekerja antarabangsa (*Committee for a Workers' International*) yang beroperasi di lebih 50 buah negara. Sosialis Alternatif berkempen menentang penindasan kapitalisme ke arah membentuk masyarakat yang berlandaskan demokratik sosialisme di Malaysia dan sedunia.

www.sosialisalternatif.org / www.socialistworld.net





KEMPEN GAJI MINIMUM

Gerakan pekerja dan anak muda untuk gaji minimum RM20 sejam!

Ketidaksamaan sosial dan ekonomi di Malaysia sudah mencapai kadar yang membimbangkan. Berikutan kemelesetan ekonomi global pada 2008, golongan kapitalis meneruskan kehidupan mewah mereka manakala majoriti kelas pekerja dan rakyat biasa masih bergelut dengan kemiskinan.

Laporan terbaru dari Institut Kajian Khazanah menunjukkan bahawa pandemik Covid-19 telah menyebabkan kemiskinan mutlak meningkat sebanyak 4.5% pada 2022; iaitu sebanyak 1.3% daripada 2019. Ini mendedahkan ketidakmampuan kerajaan untuk menyelesaikan masalah asas rakyat dan menyebabkan sebahagian besar rakyat miskin terus terperangkap ke dalam jurang kemiskinan. Diterukkan lagi, pengeluaran skim KWSP telah mengakibatkan sebahagian besar kelas pekerja tidak mempunyai simpanan yang cukup buat hari tua mereka dan meletakkan kelas pekerja di dalam situasi masa depan yang berisiko dan tidak stabil.

Laporan daripada badan kerajaan sendiri seperti Khazanah telah menunjukkan bahawa peningkatan gaji di Malaysia tidak setara dengan pertumbuhan produktiviti negara. Dari 2015 hingga ke 2022, peruntukan yang diagihkan untuk gaji pekerja telah menurun sebanyak 3% manakala untuk keuntungan korporat pula telah meningkat sebanyak 7%. Walaupun golongan pemodal atau kapitalis dilihat membuat untung berbillion-billion ringgit, rakyat biasa terus dibebankan dengan kenaikan harga barang dan pembekuan gaji.

Secara purata, setiap isi rumah kelas pekerja terpaksa membelanjakan kira-kira 44% daripada gaji mereka untuk membayar hutang. Pada tahun 2023, hutang isi rumah telah meningkat sebanyak RM 1.53 trillion - bersamaan 84.2% nisbah hutang dengan KDNK. Dengan beban hutang yang tinggi, rakyat Malaysia juga terpaksa menanggung kos pendidikan dan kesihatan yang semakin meningkat. Peningkatan kos perubatan Malaysia sebanyak 14% tahun ini telah mengatasi kadar purata Asia iaitu sebanyak 11.4%.

Walaupun rakyat Malaysia dengan jelas sedang bergelut dengan kenaikan kos hidup, kerajaan Malaysia, pihak pembangkang dan kapitalis-kapitalis korporat langsung tidak peduli nasib mereka. Tidak ada pihak yang berusaha memberikan penyelesaian ataupun jalan keluar bagi permasalahan yang sedang dihadapi. Golongan korporat dilihat menimbun keuntungan manakala kelas pekerja dan rakyat biasa sedang membanting tulang memperbaiki kehidupan mereka.

KAMI MENUNTUT KEADILAN SOSIAL DAN KEHIDUPAN YANG BERMARUAH UNTUK WARGA PEKERJA DAN ANAK MUDA!

Gaji minimum yang ditetapkan pada masa ini iaitu RM 1,500 sebulan adalah tuntutan yang sudah ketinggalan zaman. Malah jumlah ini adalah jumlah yang jauh lebih rendah berbanding jumlah saranan yang telah diberikan oleh Bank Negara Malaysia iaitu sebanyak RM 2,700 pada tahun 2018. Malah pada bulan September 2024, Perdana Menteri Anwar Ibrahim telah menetapkan kadar gaji minimum sebanyak RM 3,000 untuk semua pekerja di bawah Khazanah Nasional Berhad dan menyatakan harapan agar syarikat-syarikat swasta akan mencontohi tindakan syarikat pelaburan negara tersebut.

Walaupun pihak kerajaan sedang merancang dalam melaksanakan dasar gaji progresif - namun ini tidak akan memberi jaminan bahawa nasib kelas pekerja tidak akan ditindas oleh kelas kapitalis. Kerajaan kononnya ingin memainkan peranan selaku 'orang tengah' di antara kelas kapitalis dan juga kelas pekerja - namun realitinya, yang kekal diutamakan tetaplah keuntungan kelas kapitalis itu sendiri. Kerajaan telah memilih untuk mendengar hujah Persatuan Majikan Malaysia yang telah mendesak pihak berkuasa untuk mengurangkan kenaikan kadar gaji minimum dalam tekanan ekonomi dan sosial bagi majoriti isi rumah di Malaysia.

Manakala pihak pembangkang yang masih mendapat habuan elaun dan gaji yang selesa tidak pula merasakan keperluan untuk menuntut kenaikan gaji minimum yang adil bagi rakyat biasa. Kelas pekerja dan rakyat biasa harus sedar bahawa wakil-wakil parlimen tak kira dari PH atau PN hanya mementingkan kuasa dan kebergantungan kepada kepentingan kapitalis-kapitalis korporat.

PERJUANGAN KELAS UNTUK PERUBAHAN EKONOMI DAN SOSIAL!

Gerakan gaji minimum yang adil adalah untuk menjamin sebuah kehidupan yang bermaruah untuk kelas pekerja. Kempen ini merupakan perjuangan bagi mengangkat hak pekerja yang merupakan tulang belakang kepada pembangunan ekonomi dan sosial untuk negara. Gerakan untuk menuntut gaji minimum perlu mencerminkan masalah-

masalah rakyat yang berpunca akibat pembekuan gaji pekerja manakala harga barang dan perkhidmatan asas semakin meningkat.

Selepas mengambil kira pandangan pekerja dan anak muda dari pelbagai sektor dan latar belakang, kami menuntut gaji minima yang dikuatkuasakan sekarang harus digandakan supaya setara dengan kenaikan harga barang. Berlandaskan kepada maklum balas pekerja dan tekanan sosial dan ekonomi, gaji minimum haruslah sekurang-kurangnya RM 3,600 sebulan ataupun RM 20 sejam bagi semua pekerja tanpa mengira status, sama ada pekerja tetap atau separuh masa atau pekerja migran. Kami ingin menuntut RM 20 sejam bagi semua pekerja tanpa diskriminasi kaum atau jantina supaya pekerja boleh menikmati hidup yang bermaruah.

KE ARAH GAJI SARA HIDUP YANG ADIL!

Walaubagaimanapun, tuntutan atau kempen 'RM 20 sejam @ RM 3,600 sebulan' hanya merupakan langkah pertama dalam perjuangan ke arah gaji yang lebih setara dengan kerja yang dilakukan. Kadar gaji minimum tersebut juga harus berkembang mengikut kadar inflasi pada masa-masa tertentu. Setiap pekerja layak mendapat gaji sara hidup.

Perjuangan untuk gaji minimum RM 20 sejam @ RM 3600 sebulan merupakan langkah pertama untuk mengenalpasti masalah kelas pekerja serta anak muda, dan mendorong mereka untuk membebaskan diri dari beban ekonomi.

Pada masa yang sama, banyak daripada pekerjaan bergaji rendah bukan saja menghadapi situasi pekerjaan yang tidak stabil dengan kontrak jam sifar di mana pekerja berisiko untuk dihentikan bila-bila masa, mereka juga dibayar mengikut kadar jam berbanding kadar bulanan yang dianggap lebih tetap, dan disertakan dengan faedah-faedah pekerja. Pekerjaan ini kebanyakannya dilakukan oleh golongan minoriti, pekerja imigran dan wanita. Maka perjuangan untuk RM 20 sejam @ RM 3600 sebulan adalah juga sebuah perjuangan bagi menuntut kesaksamaan sosial.

Sebuah gerakan pekerja dan anak muda harus dibina untuk mencapai tuntutan gaji minimum yang lebih adil. Gerakan ini adalah untuk memperkasakan kelas pekerja dan anak muda serta melibatkan mereka dalam

sebuah perjuangan menuntut perubahan.

Rangkaian aktivis dan organisasi progresif yang mempunyai hasrat yang sama harus bergabung untuk melebarkan perjuangan bersama. Anak muda, mahasiswa, pekerja profesional, kelas menengah dan golongan intelektual yang juga tertindas di bawah sistem kapitalisme harus bergabung tenaga dengan kelas pekerja dalam pembinaan gerakan ini.

KAMI JUGA MENUNTUT:

- Hapuskan polisi 'buruh murah' atau penghambaan pekerja, dengan mewujudkan gaji minimum atau gaji saraan hidup (living wage) yang setimpal dengan kenaikan inflasi.
- Hak penubuhan kesatuan sekerja tanpa sebarang sekatan undang-undang oleh kerajaan atau campurtangan majikan.
- Hak Pendidikan yang percuma dan berkualiti untuk semua termasuk di Universiti dan Kolej; Memansuhkan yuran pengajian di Universiti dan Kolej dan menghapuskan hutang pelajar termasuk PTPTN.
- Tidak kepada parti-parti yang berlandaskan kapitalisme. Berkempen untuk pembinaan parti massa kelas pekerja dan anak muda untuk mempertahankan hak dan kepentingan rakyat biasa.
- Tidak kepada kemusnahan alam sekitar. Bagi pelan yang mampan berlandaskan kepada demokratik sosialisme untuk industri pengeluaran yang tidak akan memusnahkan planet ini.
- Tidak kepada kapitalisme. Bagi dunia sosialis, di mana monopoli besar dijadikan pemilikan awam, dengan ekonomi yang dirancang secara demokratik dan sumber-sumber alam dipergunakan untuk memenuhi keperluan manusia sejagat.



SERTAI PERJUANGAN KAMI!

 /solidaritipekerja
/sosialisalternatif
 01112859623